

Sultan seru sembilan Raja Melayu bersatu **2**

Negeri warta ajaran menyimpang GISBH **4**

Kubur bertingkat atasi masalah tanah padat **7**

Karnival kerja tawar 1,000 jawatan **8**

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 10 - 16 OKTOBER 2024

www.selangorkini.my

Kelas bimbingan 17,000 murid tercicir 3M

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) bimbing murid darjah satu hingga tiga yang belum mahir membaca, menulis dan mengira akibat kekangan pembelajaran sepanjang pandemik Covid-19

MUKA 2

Baik pulih cerun siap akhir tahun

Kerja perkukuh sembilan cerun berisiko dijadual siap pada Disember melalui peruntukan RM84 juta daripada negeri dan persekutuan. Sebanyak 88 tanah runtuh akibat hujan luar biasa pada 2021

MUKA 6



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan dana pengurusan Persatuan Ibu bapa dan Guru sekolah sekitar Sepang dalam program Tekad Reformasi Pendidikan sambil disaksikan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek (tengah) di Kajang pada 7 Oktober 2024. Hadir sama EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop. Foto RADIN WAZIR ► BERITA MUKA 2

SELHAC
SELANGOR INTERNATIONAL
HALAL CONVENTION 2024

HALAL GLOBAL MARKET EXPANSION FORUM

TOPICS:

START YOUR HALAL
SUPPLY CHAIN LOGISTICS

NAVIGATING THE HALAL EXPORT
LANDSCAPE: STRATEGIES FOR
SME SUCCESS

OPTIMIZING YOUR HALAL
SUPPLY CHAIN LOGISTICS

MASTERING THE ART OF
EXPORTING TO GLOBAL

JOIN NOW



SELHAC
SELANGOR INTERNATIONAL
HALAL CONVENTION 2024
16-19 OCTOBER 2024 | KL Convention Center

For more information, visit
www.selhac.my



@halalSELHAC

PROGRAM BY:



MANAGED BY:



IN PARTNERSHIP WITH:



IN CONJUNCTION WITH:



IN COLLABORATION WITH:



SPONSOR:



Tindakan ikut keputusan fatwa

GOMBAK - Sebarang tindakan terhadap ahli kumpulan GISB Holdings (GISBH) akan dijalankan berdasarkan fatwa negeri yang diputuskan dalam masa terdekat, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, pihaknya akan merujuk garis panduan yang ditetapkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor selepas diperkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

"Ini struktur (tatacara) majlis fatwa dan Majlis Agama Islam Selangor, yang dipersembah kepada Tuanku sebagai ketua (agama Islam negeri) untuk isytihar dan perkenan.

"Selepas menghadap Tuanku, keputusan fatwa akan diumumkan kepada orang ramai dan negeri. Kita akan bertindak berdasarkan fatwa dan keputusan jawatankuasa fatwa," katanya pada 3 Oktober.

Teliti program pulih kanak-kanak

SHAH ALAM - Selangor menubuhkan pasukan khas bagi meneliti program pemulihan khusus untuk kanak-kanak yang dijumpai di rumah amal GISB Holdings (GISBH) di negeri itu, baru-baru ini.

Ditubuhkan berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 2 Oktober, pasukan itu dipengerusikan EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah dan EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari.

Dalam kenyataan bersama, Dr Mohammad Fahmi dan Anfaal berkata antara agensi terlibat adalah wakil polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Lembaga Zakat Selangor.

"Pasukan ini menumpukan pemulihan, bukan sahaja isu akidah tetapi juga kebajikan, kesihatan dan perkembangan mental-fizikal untuk memastikan mereka dapat dipulihkan.

"(Selain itu) diintegrasikan semula dalam masyarakat walaupun selepas tempoh pemulihan rasmi selama enam bulan ini," kata mereka menambah mesyuarat pertama akan diadakan pada 11 Oktober.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Seru sembilan Raja Melayu bersatu

SHAH ALAM - Semua sembilan Raja-Raja Melayu perlu ada kesatuan dan kesepaduan utuh termasuk saling membantu dalam mendepani isu rakyat, titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj bertitah peranan Raja-Raja Melayu dalam menaungi kesejahteraan hidup rakyat melangkaui isu agama, bahkan membabitkan isu semasa lain.

Baginda turut mengingatkan semua kerabat diraja supaya mempamer adab budaya baik di khalayak umum atau

media sosial dengan menonjolkan pekerti mulia agar dihormati dan disayangi rakyat.

"Isu yang sensitif membabitkan sesama Raja-Raja Melayu dielakkan daripada dibincangkan di media sosial," menurut perkongsian di Facebook Selangor Royal Office pada 3 Oktober.

Perkara itu ditegaskan Sultan Selangor ketika menerima menghadap Duli Yang Amat Mulia Pemangku Sultan Johor Tunku Mahkota Ismail di Istana Selangor, Kuala Lumpur pada 1 Oktober.

Dalam pertemuan lebih sejam itu,

Sultan Sharafuddin dan Tunku Mahkota Ismail berbincang pelbagai isu yang melibatkan institusi diraja dan arena bola sepak tanah air.

Baginda bertitah kesefahaman juga dicapai bahawa tidak akan ada lagi perselisihan yang boleh mengundang permusuhan sehingga membawa kepada keganasan bola sepak.

Baginda menegaskan bola sepak adalah sukan rakyat yang sekian lama menyatupadukan masyarakat serta harus dipelihara dan dikekalkan sebagai antara wadah keharmonian negara.

Atasi keciciran kemahiran 3M

17,000 murid sertai tuisyen percuma

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

HULU LANGAT - Seramai 17,000 murid yang belum mahir membaca, menulis dan mengira (3M) bakal melalui proses intervensi Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) pada tahun depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu pembelajaran percuma itu diadakan bagi mengatasi masalah keciciran kemahiran literasi dan numerasi kelompok murid tersebut.

Beliau berkata angka dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor itu melibatkan murid darjah satu hingga tiga

yang terjejas akibat kekangan akses pembelajaran ketika pandemik Covid-19.

"Kita bukan hanya sebut generasi tercicir tetapi buat intervensi melalui PTRS supaya mereka dapat dididik dan dilatih menjadi lebih cekap dan lancar," katanya pada 7 Oktober.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis perasmian program Tekad Reformasi Pendidikan yang disempurnakan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek di sini.

Berucap pada majlis berkenaan, Amirudin menjelaskan lebih 120,000 pelajar tingkatan empat dan lima dari pelusuk negeri menikmati PTRS yang ditawarkan secara percuma

pada tahun ini.

Beliau menerangkan modul pendidikan PTRS dibangunkan pakar dan guru bawah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor membabitkan kos lebih kurang 10 kali ganda lebih rendah dari syarikat luar.

Amirudin juga mencadangkan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dimuatkan dalam PTRS bagi mencecutkan minat awal kemahiran tersebut hanya dipelajari selepas tamat zaman persekolahan.

PTRS adalah bantuan kelas tambahan meliputi mata pelajaran terpilih untuk pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan rendah yang prestasi pelajarannya sederhana atau lemah.

122,000 pelajar belum mahir 3M

HULU LANGAT - Seramai 122,000 murid tahun satu bagi sesi akademik tahun ini di seluruh negara belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), kata menteri pendidikan.

Fadhlina Sidek memberitahu punca yang menyumbang kepada perkara itu antaranya keciciran pembelajaran semasa pandemik Covid-19, kemis-

kinan dan anak keperluan khas, lapor Bernama.

Beliau percaya angka tersebut berubah sebaik sahaja mereka menyertai program intervensi yang dibuat baik pada peringkat negeri mahupun di persekutuan selain program Anak Kita.

Kementerian Pendidikan memperkenalkan program Intervensi Literasi

dan Numerasi mulai Ogos bagi membantu kelompok murid yang belum menguasai kemahiran 3M bermula sesi akademik 2024/2025.

Beliau merasmikan program Tekad Reformasi Pendidikan diadakan dengan kerjasama Kerajaan Selangor. Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Gesa Bumiputera mohon sijil halal

SHAH ALAM - Usahawan Bumiputera digesa mendapatkan sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) seterusnya memudahkan usaha memperluas perniagaan ke peringkat lebih tinggi.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata produk mereka boleh menembusi pasaran antarabangsa sekali gus menjamin peningkatan pendapatan ekoran adanya pengesahan berkenaan.

Beliau memberitahu data menunjukkan majoriti syarikat di Selangor yang ada sijil tersebut dari kalangan pengusaha bukan Islam sebaliknya peniaga bumiputera dilihat kurang berminat.

Katanya, mereka tiada kemahuan kerana berpendapat produk mereka halal selain faktor kos tetapi jumlahnya telah dikurangkan, malah Jakim memperkemas permohonan supaya lebih mudah.

"Usahawan Bumiputera perlu ambil serius hal ini. Semasa Pameran Halal Antarabangsa Malaysia baru-baru ini, ekosistem industri halal sedunia diberi penekanan," katanya pada 5 Oktober.

Amirudin menjelaskan pentadbiran negeri berterusan memberi sokongan latihan dan menyediakan program yang dapat mempersiapkan masyarakat usahawan ke arah memperoleh sijil berkenaan.

Inovasi BIM Infrasel Tingkat Tahap Keselamatan Cerun

HULU LANGAT - Seiring dengan perkembangan era digital, Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) tidak terkecuali daripada menceburi penggunaan teknologi Building Information Modeling (BIM) dalam kerja-kerja pembaikan cerun di negeri ini.

Sebagai sebuah syarikat yang progresif, Infrasel telah mengambil langkah efisien dengan mengintegrasikan teknologi BIM bagi projek-projek pemulihan cerun di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor.

Teknologi BIM membawa pelbagai kelebihan dalam kerja pembaikan cerun, terutama dalam aspek kolaborasi yang lebih jitu antara pihak kontraktor, jurutera dan pelanggan.

Penggunaan model 3D yang interaktif memudahkan proses visualisasi, membantu penyelarasan kerja, seterusnya mengoptimalkan penyelesaian reka bentuk secara efisien.

Pengaplikasian BIM dalam pembangunan cerun dapat memberikan pandangan realistik terhadap sesebuah projek dan membantu jurutera mengenal pasti isu-isu yang berpotensi pada peringkat awal.

Salah satu projek yang menggunakan teknologi ini ialah projek pemulihan cerun di Jalan Genting Peras Seksyen 32.460, Hulu Langat. Kaedah utama yang digunakan dalam projek ini termasuklah 'soil nailing' dan 'flexible facing'.

EXCO Infrastruktur, Ir Izham Hashim dalam satu temu bual berkata, projek



pemulihan cerun di Jalan Genting Peras merupakan sebahagian daripada 88 cerun berisiko yang dikenal pasti selepas insiden banjir besar yang berlaku pada 2021.

"Daripada jumlah itu, sebanyak sembilan projek telah terlibat dengan kerja-kerja pemulihan membabitkan



kerja 'soil nailing' dan 'flexible facing,'" ujar beliau semasa lawatan kerja ke tapak projek di Jalan Genting Peras pada 3 Oktober. Kerja-kerja pembaikan dan penstabilan cerun ini dilakukan secara berperingkat dan dijangka siap pada hujung tahun ini.

Penggunaan teknologi BIM oleh Infrasel yang digunakan khusus bagi projek pemulihan cerun di bawah JKR negeri menunjukkan komitmen Kerajaan Selangor dalam mengimple-

mentasikan teknologi terkini dengan kepakaran sedia ada bagi memajukan industri pembangunan tempatan sekaligus memenuhi tahap keselamatan pengguna jalan raya.

Usaha ini seiring dengan matlamat dan sasaran Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 yang bertujuan memperkasakan pembangunan negeri Selangor sebagai sebuah wilayah bandar yang berkembang maju, mampan dan makmur.



Sasar 50,000 sertai PLATS

GOMBAK - Seramai 50,000 peniaga disasar menyertai Platform Selangor (PLATS), inisiatif Kerajaan Negeri membantu usahawan meningkatkan jualan, menjelang 2026.

Dato' Menteri Besar berkata lebih 40,000 peniaga menyertai platform yang diperkenalkan sejak 2020 susulan penularan pandemik Covid-19.

"Menerusi platform ini, Kerajaan Negeri dapat bantu mereka mempromosi dan memperkenalkan produk jualan terutama makanan kepada orang awam.

"Kita bukan hanya bantu peniaga beralih ke perniagaan digital sebaliknya turut tingkatkan ilmu perniagaan seiring dengan peredaran teknologi moden," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 4 Oktober.

Mula diperkenalkan pada Ramadan 2020, PLATS bertujuan melengkapkan ekosistem Agenda Digitalisasi Selangor dan setahun kemudian, PLATS 2.0 dilancarkan bagi membantu peniaga menjana pendapatan sepanjang masa.

Latihan persediaan hadapi banjir

KUALA LUMPUR - Latihan amal dan simulasi bencana membabitkan pelbagai agensi diadakan sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut, dijangka bermula November ini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi berkata latihan tahunan di Pulau Meranti, Puchong bagi memastikan pengurusan komunikasi lebih tersusun dan efektif ketika berdepan bencana.

"Kita sudah laksanakan mesyuarat penyelarasan bencana negeri melibatkan semua agensi terlibat termasuk pihak berkuasa untuk kemas kini dan persiapan.

"Kita ada simulasi latihan bencana di Pulau Meranti bersama semua agensi. Di situ kita akan uji semua aset yang dimiliki untuk pastikan ia dapat digunakan dengan baik," katanya pada 3 Oktober.

Najwan memaklumkan lebih 1,000 pusat pemindahan sementara seluruh negeri bersedia jika berlaku bencana.

Menurutnya, semua agensi khususnya pejabat daerah dan tanah menjalin kerjasama baik dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri bagi memastikan semua urusan lancar.

Warta ajaran menyimpang GISBH

SHAH ALAM - Penyimpangan ajaran GISB Holdings (GISBH) yang diputuskan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi proses pewartaan.

Bakal dibuat dalam masa terdekat, keputusan itu menurut EXCO agama Islam akan diteliti penasihat undang-undang negeri (PUU), selain kemungkinan diusul dalam sidang Dewan Negeri Selangor akan datang.

"Proses warta tidak lama, kita akan menerusi MMKN. Maknanya kalau sudah setuju (diwartakan), akan diserahkan

kepada PUU negeri untuk pastikan fatwa ini boleh dikuatkuasakan dengan pewartaan itu.

"Selepas warta, ia akan jadi enakmen Kerajaan Negeri dan PUU akan teliti daripada segi perundangan," kata Dr Mohammad Fahmi Ngah pada 7 Oktober.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan mana-mana rangkaian perniagaan berkaitan GISBH akan dihentikan dan ditutup selepas fatwa berkenaan dikuatkuasa di negeri ini.

Tegasnya, tindakan itu tidak memberi kesan kepada ekonomi Melayu

seperti dipertikai sesetengah pihak berikutan terdapat banyak lagi rangkaian niaga diusahakan seperti Mydin.

"Jangan kita gembar-gemburkan sekolah-olah kumpulan ini sahaja punca ekonomi Melayu. Saya tidak faham bagaimana rakyat boleh terima cara penjaan ekonomi ini kerana berlakunya penyiksaan, penderaan kanak-kanak, pengasingan suami isteri.

"Pekerja juga tidak dibayar gaji, malah GISBH tidak pernah membayar cukai, zakat. Kita kena faham perkara ini dan pentadbiran tidak akan berkompromi," kata Dr Mohammad Fahmi.

Giat usaha tarik pelabur

30 peratus pelan semikonduktor

Oleh **DANIAL DZULKIFLY**

KUALA LUMPUR - Selangor sedia menyumbang sehingga 30 peratus dalam Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan (NSS) yang menyasar RM100 bilion setahun dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) termasuk eksport.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata Kerajaan Negeri mahu memperkukuh ekosistem semikonduktor dan E&E di Lembah Klang melalui perkongsian strategik dan polisi sokongan selaras pelan itu.

"Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) sen-

tiasa memainkan peranan dalam sektor semikonduktor di Malaysia.

"Selangor bersedia menyumbang kepada 30 peratus sasaran NSS sekaligus membantu menjana nilai tahunan RM100 bilion dalam semikonduktor dan eksport E&E," katanya.

Beliau menghadiri Majlis Perasmian Hari Kerjaya Semikonduktor Malaysia di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) di sini pada 4 Oktober.

Program berkenaan disertai lebih 2,000 pelajar daripada 20 universiti seluruh Malaysia yang menawarkan peluang pekerjaan menerusi 17 syarikat semikonduktor.

Program anjuran Sidec itu menawar-

kan peluang pekerjaan dengan kepakaran kejuruteraan dengan pendapatan bermula RM5,000 hingga RM6,000.

Dalam pada itu, Sze Han memaklumkan rancangan pertama pelaksanaan pelan itu dijangka mampu menarik pelaburan sebanyak RM500 bilion termasuk pelaburan asing.

"Pelan ini akan membentuk semula landskap semikonduktor di Malaysia termasuk penetapan reka bentuk 10 liter bersepadu dan pembungkusan yang mampu menjana pendapatan antara RM1 bilion hingga RM4.7 bilion.

"Selain itu, Selangor kini menyaksikan kemasukan besar syarikat semikonduktor dari China, Jepun, Korea, India, Taiwan dan Amerika Syarikat," katanya.

Harap projek penting diteruskan

SHAH ALAM - Selangor berharap kerajaan persekutuan menyediakan insentif menarik dalam Belanjawan 2025 yang dibentang 18 Oktober bagi meneruskan beberapa projek penting pembangunan negeri.

Dato' Menteri Besar berkata perkara yang disenarai antaranya pembangunan sektor semikonduktor dan penyambungan projek tebatan banjir Hulu Langat ke Sepang.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, Selangor turut berhasrat melaksana peremajaan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang selain naik taraf beberapa jalan persekutuan.

"Kita mempunyai langkah yang agresif dalam bidang semikonduktor, sebagai contoh. Jadi kita harap ada insentif besar dan Selangor turut senaraikan beberapa projek penting seperti projek tebatan banjir.

"Begitu juga beberapa projek seperti peremajaan semula lapangan terbang Subang. Ia akan bantu kita bangun negeri dan dana untuk naik taraf jalan persekutuan seperti di Pelabuhan Klang dan Meru yang menjadi rungutan," katanya pada 5 Oktober.

Belanjawan 2025 mengetengahkan tema Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera yang akan dipacu oleh pendekatan Ekonomi Madani.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
10 Khamis	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:03	8:13	5:41	5:51	6:58	1:03	4:17	7:04	8:14	5:43	5:53	6:59	1:05	4:20	7:06	8:15			
11 Jumaat	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:03	8:12	5:41	5:51	6:58	1:03	4:17	7:04	8:13	5:43	5:53	6:58	1:05	4:20	7:05	8:15			
12 Sabtu	5:41	5:51	6:56	1:02	4:17	7:03	8:12	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:04	8:13	5:43	5:53	6:58	1:05	4:20	7:05	8:14			
13 Ahad	5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:12	5:41	5:51	6:57	1:03	4:18	7:03	8:13	5:43	5:53	6:58	1:05	4:20	7:05	8:14			
14 Isnin	5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:12	5:40	5:50	6:57	1:03	4:18	7:03	8:12	5:43	5:53	6:58	1:04	4:20	7:04	8:14			
15 Selasa	5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:11	5:40	5:50	6:57	1:02	4:18	7:03	8:12	5:42	5:52	6:58	1:04	4:20	7:04	8:14			
16 Rabu	5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:01	8:11	5:40	5:50	6:57	1:02	4:18	7:02	8:12	5:42	5:52	6:58	1:04	4:20	7:04	8:13			

WAKTU SOLAT
10 - 16 OKTOBER 2024
7 - 13 RABUAKHIR 1446H



KUMPUL... EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim menyertai aktiviti membersihkan Kampung Bagan Sungai Yu, Kuala Selangor pada 5 Oktober. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Tahan 602 warga asing di Sri Muda

SHAH ALAM - Seramai 1,091 warga asing diperiksa dalam operasi bersepadu Majlis Keselamatan Negara (MKN) Selangor di Taman Sri Muda, Seksyen 25 di sini, pada 5 Oktober.

Diketuai Dato' Menteri Besar selaku pengerusi MKN Selangor, operasi bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) negeri dan pelbagai agensi menahan 602 individu atas pelbagai kesalahan.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, perancangan rapi dibuat sejak Mac bagi mengawal lambakan warga asing yang dikhuatiri melanggar akta imigresen dan kesalahan lain.

"Seramai 1,091 warga asing diperiksa. Daripada jumlah itu, 602 ditahan atas pelbagai kesalahan. Mereka daripada sembilan negara dengan warga Bangladesh paling ramai.

"Kebanyakan yang ditahan berumur antara 19 hingga 53 tahun dan mereka akan dihantar ke depoh tahanan sementara JIM di Semenyih," katanya yang meninjau operasi berkenaan.

Amirudin turut berhasrat melaksanakan operasi sama di lokasi lain bagi mengurangkan kebanjiran warga asing supaya keselamatan penduduk meningkat.

Perjanjian urus tanah rizab Paya Indah Wetlands

Sokong pulihara biodiversiti

PUTRAJAYA - Selangor menandatangani Perjanjian Operasi dan Pengurusan Tanah Rizab Paya Indah Wetlands bagi menggalakkan pembangunan pelancongan yang menyokong pemuliharaan biodiversiti.

Perjanjian antara tiga pihak tersebut melibatkan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam mewakili kerajaan persekutuan serta Gamuda Land-Discovery Wetlands Sdn Bhd (DWSB).

Menurut Dato' Menteri Besar, kerjasama itu memberi nilai tambah kepada ekosistem pelancongan negeri sekali gus menjamin kemampanan pengurusan paya bakau dan pemuliharaan biodiversiti.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia akan menjadi antara tempat pembelajaran secara langsung kepada pelajar dan pengunjung selain berpotensi dikembangkan untuk rekreasi dan sukan lasak.

"Gabungan pelancongan menarik kerana berdekatan tarikan lain yang dibina Gamuda Land seperti Splash Mania yang memberi nilai tambah kepada Tahun Melawat Selangor 2025," katanya pada 3 Oktober.

Perjanjian itu ditandatangani Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Dato' Johary Anuar,

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Datuk Dr Ching Thoo Kim dan Pengarah Eksekutif Gamuda Land Datuk Abdul Sahak Safi.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad berkata usaha sama itu model strategik antara kerajaan persekutuan, negeri dan swasta dalam memajukan ekopelancongan.

Katanya, ia selari Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan 2022-2030 yang menggalakkan pembangunan pelancongan yang menyokong pemuliharaan biodiversiti ke arah pembangunan ekopelancongan lestari.

"Kedudukan yang strategik dikelilingi bandar Dengkil, Cyberjaya dan Putrajaya menjadikannya destinasi utama ekopelancongan," katanya yang menyaksikan penandatanganan perjanjian itu.

Melalui perjanjian yang berkuatkuasa sehingga 31 Julai 2037, DWSB akan mengambil alih operasi dan pengurusan Paya Indah Wetlands manakala Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia memfokus program konservasi hidupan liar manakala Kerajaan Selangor kekal sebagai pemilik tanah PIW.

ONE EQUINE

Kuota Bumiputera Tersedia

10% Bumi Diskaun

Harga Dari

RM235,000*

Tertakluk kepada terma dan syarat *

Taman Sentral
6.08 Ekar Kemudahan Rekreasi di dalam kediaman anda sendiri

Komuniti
Komuniti berpagar dan berkawal di mana kasih dan kehidupan berkembang maju

Kemudahan berdekatan
Mudah diakses ke MEX, LDP, SKVE & Lebuhraya Utara-Selatan. Van Shuttle ke Stesen MRT Taman Equine

Keselingsihungan
Dikelilingi oleh kemudahan matang dan pusat membeli-belah

Keselesaan
Ruang kreatif dari unit kunci dua, 2-4 bilik tidur dengan kunci pintu pintar

Enso Development Sdn Bhd 1308685-F
6-09/4, Residensi Lela, No. 45, Jalan 34/26, 53300 Wangsa Maju, Kuala Lumpur
Tel: 03 48161016 Fax: 03 48161617

018-223 2345
www.one-equine.com.my

Property AWARDS 2023
BCA AWARDS
BEVERLY SUKUBANA SURABAYA

Developer License No: 20059/02-2026/0362(A) | Validity From: 27/02/2023 - 26/02/2026 | Advertising & Sales Permit No: 20059-2/05-2026/0569(A/15) | Validity From: 23/05/2023 - 22/05/2026 | Tenure: Leasehold 99 years (Expiry 12 May 2198) | Land Encumbrances: Malayan Banking Berhad | Restriction in Interest: This land can be transferred, leased or charged, upon obtaining the prior consent from State Authority. | Expected Date of Completion: September 2027 | No. of Units: 337 (Tower C) | Type of Property: Serviced Apartment | Price from RM429,200 (unit) - RM707,900 (max) | No. of Units: 891 (Tower D) | Price from RM330,000 (min) - RM883,000 (max) | Approving Authority: Majlis Bandaraya Subang Jaya Building Plan Reference Number: MPSJ.BGN.BPK.000.1/10/5/4835.

All information/layout/design/specification/plans contained herein collectively "Information" are intended to serve as guide only and/or are artists' impression only. The information herein are not a representation of the actual unit and do not form part of an offer or contract. All measurements are approximate. The information are subject to approval by the relevant authorities and may be amended as required, advised by the relevant authorities and/or project consultants without further notice to you. While all care has been taken in preparing this material, we are not responsible for any inaccuracy or variation in the information herein. Please refer to the Sale and Purchase Agreement for the specification and layout of the actual unit.

Inisiatif menarik berdaya rakyat

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri giat mengenal pasti inisiatif menarik menjelang pembentangan Belanjawan Selangor 2025 demi meringankan beban segenap lapisan rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu usaha berkenaan tidak hanya tertumpu kepada pemberian semata-mata tetapi berusaha untuk mem-berdaya potensi rakyat.

"(Inisiatif) itu sedang dikenal pasti, bukan gula-gula tapi inisiatif untuk ringankan beban rakyat. Bukan sekadar gula-gula kerana konotasinya seperti diamkan anak-anak yang menangis.

"Itu bukan tujuan kita. Impian kita mem-berdayakan rakyat dan bukan hanya seka-dar pemberian (bantuan)," katanya pada 5 Oktober. Pembentangan belanjawan dija-dual pada 15 November.

Sukarelawan tampil bersih kediaman

SHAH ALAM - Pasukan Sukarelawan Selangor (Serve) akan digerakkan ke operasi pascabanjir bagi membantu kerja pem-bersihan dan pemunggaan barang rosak milik mangsa banjir.

Dato' Menteri Besar memberitahu Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemer-badanan) juga menyerahkan bantuan asas kecemasan antaranya barang keperluan harian bagi meringankan beban mangsa.

"Insya-Allah Kerajaan Negeri akan sen-tiasa memelihara kebajikan mangsa ben-cana dari masa ke semasa," kata Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook.

Pada 5 Oktober, beliau mengunjungi lebih 600 mangsa banjir di pusat peminda-han sementara Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Badong, Bestari Jaya dan SK Desa Aman Coalfield.

Kenal pasti 100 kolam alternatif

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selan-gor (LUAS) mengenal pasti 100 kolam di seluruh negeri yang berpotensi menjadi sumber air alternatif tambahan.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim ber-kata ia termasuk kolam takungan di Bestari Jaya yang direka pelbagai fungsi sekali gus berupaya dijadikan kolam tebatan banjir, rekreasi dan mitigasi pencemaran.

"Kolam takungan hiliran (ORS) yang terletak di Bestari Jaya merupakan kolam yang mempunyai kepentingan bagi pem-bekalan sumber air alternatif di Lemban-gan Sungai Selangor.

"Kawasan ORS merangkumi enam ko-lam dengan keluasan 64.98 hektar yang sedang dibangunkan dengan prasarana lengkap melalui projek Skim Jaminan Air Mentah. Ia bagi tujuan pembekalan sum-ber air alternatif kepada loji rawatan air Rantau Panjang," katanya dalam kenyataan pada 8 Oktober.

Agih RM200,000 geran teroka inovasi

SHAH ALAM - Lebih RM200,000 geran disediakan negeri bagi mempergiat penerokaan inovasi dalam kalangan pelajar serta penjawat awam, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata dana itu merangkumi agihan Geran Teknologi & Inovasi Digital Selangor bernilai RM120,000, Geran Pengkomer-

sialan dan Harta Intelek (RM50,000) dan lain-lain geran (RM40,000).

"Menerusi inisiatif ini pemikiran kreatif dan kreativiti dapat diketengahkan sekali gus mampu menghasilkan pelbagai inovasi yang memberi man-faat kepada rakyat.

"Pemberian geran membantu pen-tadbiran menyelesaikan masalah melalui

inovasi teknologi digital seterusnya men-jamin kehidupan berkualiti serta kesele-saan tambahan dalam kehidupan harian," katanya pada 8 Oktober.

Jelasnya, pembudayaan inovasi yang dilakukan tidak harus terhenti selepas berjaya menghasilkan produk sebaliknya ditambah baik ke fasa peng-komersialan dan harta intelek.

Dibuka semula Disember

RM80 juta baik pulih cerun runtuh

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

HULU LANGAT - Dana RM80 juta disediakan bagi membaik pulih cerun runtuh di Jalan Genting Peras ekoran kejadian banjir besar pada 2021, kata EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim.

Beliau menjelaskan proses mem-perkukuhkan sembilan cerun berisiko yang turut menghubungkan Jelebu, Negeri Sembilan, mencapai 36 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember.

Katanya, kerajaan persekutuan

menyalur peruntukan sebanyak RM4 juta manakala RM80 juta lagi dise-diakan pentadbiran negeri, menjadikan jumlah keseluru-han RM84 juta.

"Sebanyak 36 peratus kerja baik pulih cerun lalu-an B32 Jalan Genting Peras dibuat, lebih dua peratus mengikut jadual," katanya sele-pas meninjau kerja baik pulih itu pada 3 Oktober.

Ir Izham juga memberitahu laluan tersebut yang ditutup sejak Disember 2021 dijangka dibuka pada Disember

sebaik kerja baik pulih selesai.

Beliau berkata sebanyak 88 cerun runtuh akibat fenome-na hujan melampau pada 2021 hingga mengakibatkan anak sungai dalam hutan sekitar mengalir ke pokok menyebabkan cerun runtuh.

"Kita akan pantau sepanjang kerja baik pulih untuk memastikan keselamatan pengguna terpelihara memandangkan ada yang melalui jalan ini untuk berbasikal," ka-tanya.



Karnival bantu 634 dapat kerja

SHAH ALAM - Seramai 634 peserta Je-lajah Jobcare Selangor memabitkan enam daerah memperoleh peker-jaan sejak karnival kerjaya dian-jur sejak Jun, kata EXCO Sum-ber Manusia V Papparaidu.

Beliau memberitahu 168 peserta diterima bekerja dalam siri keenam program itu yang menawarkan 3,748 ke-kosongan jawatan dengan gaji antara RM1,500 hingga RM8,000 di Klang pada 5 Oktober.

"Dalam program itu sebanyak 30

majikan telah membuka kaunter. Le-bih 400 orang menghadiri program dan 168 orang dapat pekerjaan," ka-tanya dalam kenyataan pada 6 Oktober.

Papparaidu turut me-nasihati golongan muda khususnya lepasan seko-lah atau universiti supaya tidak terlalu memilih pekerjaan sebaliknya mem-beri tumpuan untuk menimba pengalaman.

"Memandangkan kemahiran lebih

diutamakan dalam pasaran buruh, para lepasan harus menumpukan perhatian kepada menimba pengalaman terlebih dahulu," katanya.

Sebelum ini, beliau memaklumkan kira-kira 35,000 peluang kerja ditawarkan dalam Jelajah JobCare Selangor meliputi sembilan daerah.

Karnival diteruskan di Dewan MPKS Puncak Alam, Kuala Selangor (19 Okto-ber), Dewan Komuniti Bandar Baru Sa-lak Tinggi, Sepang (16 November) dan Dewan Tun Razak, Sabak Bernam (14 Disember).



Projek pencawang patuhi syarat

HULU SELANGOR - Projek talian penghantar Tenaga Nasional Berhad (TNB) 500KV dari pencawang masuk utama (PMU) Tapah ke Bentong South mematuhi syarat penilaian impak alam sekitar (EIA).

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan pembangunan melalui kawasan Hulu Selangor itu juga masih mengekalkan pusat santuari (tempat perlindungan) ikan sekitar Sungai Chiling.

Dilaksana bermula Jun lalu, beli-

au berkata pentadbiran negeri turut berpuas hati dengan pengurusan kawalan hakisan dan binaan jalan ser-ta kualiti air yang dipastikan dalam keadaan baik.

"Projek ini tertanggung sejak tiga ta-hun dan awalnya dicadangkan pembi-naan menggunakan helikopter untuk hakisan yang boleh menjejaskan Sun-gai Chiling, sekali gus populasi ikan kelah.

"Hasil perbincangan memutuskan pelaksanaan menggunakan kaedah

konvensional dan pembinaan jalan bagi projek ini hanya terhad kira-kira 8.3km sahaja," katanya pada 8 Oktober.

Menurut Ir Izham, projek melibatkan pembinaan 121 menara yang dijangka siap Oktober tahun depan penting, berikutan ia menjamin kestabilan beka-lan elektrik.

Tambahnya lagi, TNB sentiasa men-gambil sampel air dari semasa ke sema-sa untuk menjamin kualiti air secara berterusan selain memastikan bacaan-nya pada tahap yang dibenarkan.



Dr Mohammad Fahmi melawat reruai ketika Festival Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor 2024 di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 7 Oktober. Foto HAFIZ OTHMAN

Rancakkan inovasi dalam perkhidmatan

SHAH ALAM - Usaha merancakkan inovasi dalam sektor perkhidmatan awam antara tumpuan menjelang tahun hadapan seiring keperluan dan perkembangan teknologi semasa.

EXCO pembudayaan inovasi berkata inisiatif pada peringkat pejabat pentadbiran negeri, anak syarikat, agensi dan pihak berkuasa tempatan bertujuan memberi perkhidmatan kepada rakyat.

"Kita fokus kepada inovasi yang dapat menyelesaikan masalah rakyat. Dalam masa sama, kita kembangkan inovasi sedia ada kepada penggunaan kecerdasan buatan (AI).

"Contohnya catatan minit mesyuarat. Kita akan guna teknologi ucapan kepada teks, jadi boleh singkatkan masa. Keputusan dibuat juga tidak ambil masa lama," kata Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Ditemui di Festival Inovasi Selangor (FIS) pada 7 Oktober, beliau berharap peruntukan lebih besar dalam Belanjawan Selangor 2025 berbanding RM900,000 bagi memacu perkembangan inovasi.

FIS yang julung kali diadakan melibatkan semua kakitangan awam negeri bertujuan mendedahkan pekerja dengan latihan dan kursus berkenaan teknologi terkini.

Program di Dewan Jubli Perak di pusat pentadbiran negeri di sini turut menyediakan geran sebagai langkah menggalakkan peserta meneroka lebih jauh bidang inovasi.

Atasi masalah tanah kawasan padat

Guna kubur bertingkat

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Pelaksanaan kubur bertingkat perlu dijalankan di beberapa kawasan perkuburan di negeri ini, kata Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahzihan Ahmad.

Menjelaskan konsep itu difatwa sebagai harus, beliau memberitahu daerah kritikal antaranya Gombak, Hulu Langat dan Klang berikutan masalah kepadatan penduduk dan isu kesediaan tanah.

Katanya, Jais juga telah membentangkan syor dan kaedah pelaksanaan mengikut kesesuaian lokasi kepada Setiausaha Kerajaan Negeri pada awal tahun ini.

"Ada keperluan (kubur bertingkat) di Lembah Klang khususnya kerana kepadatan penduduk setempat dan tanah memang sukar (didapati).

"Saya akan cadangkan beberapa syor kerana ada tanah perkuburan ha-

bis digunakan sepenuhnya, ada yang digunakan sebahagian dan ada tanah perkuburan baharu," katanya pada 5 Oktober.

Menurut Mohd Shahzihan lagi, sesi libat urus dengan pejabat daerah dan tanah serta pihak berkuasa tempatan turut diadakan bagi menjayakan cadangan berkenaan.

Beliau menjelaskan beberapa prosedur lain pula antaranya perbincangan jawatankuasa fatwa diikuti sembah maklum kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor jika ia dipersetujui.

Sebelum ini, wakil rakyat Lembah Jaya, Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad mengesyorkan pelaksanaan kubur bertingkat di Selangor dengan Ampang dijadikan perintis cadangan tersebut.

Beliau memberitahu secara puratanya berlaku lima hingga tujuh pengebumian jenazah di tanah perkuburan di Ampang setiap hari.



SIAP DENGAN C.C.G

BLOK A HABIS DIJUAL

LOT BUMI DISKAUN 7%

856.78 KPS / KEPADATAN RENDAH

KEHIDUPAN ALAM SEMULAJADI DI KEHIDUPAN BANDAR

Imperial Hatamas yang terdiri daripada 312 unit kondominium di dalam 2 blok, diselubungi kehijauan alam semulajadi yang menyegarkan, menyediakan ketenangan dan gaya hidup dalam persekitaran semulajadi.

- TEMPAT TUMPUAN ALAM SEMULAJADI
- KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEDIA ADA
- SELAMAT & TERJAMIN

GPS Coordinates : 3.094161, 101.764711
URL : <https://goo.gl/maps/X1V4k142EzY>

PEMILIK: **JIWA MEWAH SDN BHD (745444J)**
8TH FLOOR, WISMA BH
361 JALAN PUDU, 55100 KUALA LUMPUR

PEJABAT PUDU: **9226 3666**
HATA.COM.MY

WAKTU PEJABAT: **8.30PG. - 5.30PTG.**
(ISNIN SAMPAI JUMAAT)

SIBS siri dua sasar RM1 bilion

SHAH ALAM - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2024 siri kedua pada 16 Oktober di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur menyasar transaksi hampir RM1 bilion.

Persidangan empat hari hingga 19 Oktober meliputi Ekspo Antarabangsa Selangor (Makanan dan Minuman) atau SIE F&B, Konvensyen Sains Hayat Selangor (SLC) serta Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC).

SIE F&B akan mengetengahkan pempamer utama iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang dijangka membawa pengisian dalam forum sehari berkaitan topik keterjaminan makanan.

Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (SELHAC) turut menjadi acara dalam SIE F&B yang menjadi medan kepada syarikat tempatan dan antarabangsa meneroka pasaran halal di rantau ini.

SDEC pula dijangka memperkenalkan sesi menumpukan inisiatif terbaharu negeri iaitu taman reka bentuk litar bersepadu (IC) dan Pemacu Semikonduktor Malaysia disamping tiga forum bawah SLC.

Karnival kerjaya tawar 1,000 jawatan

SHAH ALAM - Lebih 1,000 kekosongan jawatan ditawarkan sempena Karnival Jelajah Jobcare 2024 peringkat daerah Kuala Selangor pada 19 Oktober.

EXCO Sumber Manusia V Papparaidu memaklumkan program di Dewan Majlis Perbandaran Kuala Selangor, Puncak Alam, bermula 9 pagi hingga 4 petang.

"Terbuka kepada semua pencari kerja. Calon perlu membawa resume dan dokumen sokongan yang berkaitan semasa hari temuduga nanti," katanya dalam kenyataan.

Calon yang berminat boleh mengisi borang pendaftaran di pautan bit.ly/JOB-CAREKUALASELANGOR bagi pengesahan kehadiran.

Promosi industri reka bentuk

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri berhasrat membawa kreativiti industri reka bentuk ke pentas antarabangsa melalui pembangunan dan promosi karya pereka dan arkitek tempatan.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi memberitahu pihaknya juga terbuka bekerjasama mengikut keperluan bagi memajukan sektor berkenaan.

"Dengan menyediakan platform untuk interaksi antara pakar industri, pelanggan berpotensi, pembekal dan rakan kongsi, kita dapat memacu perkembangan.

"Saya juga ingin menekankan betapa pentingnya inovasi dan reka bentuk pintar dalam usaha kita mencapai matlamat alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)," katanya pada 3 Oktober.

Perluas pasaran di Lembah Klang

SHAH ALAM - Rata-rata peserta Ekspo Usahawan Selangor (SELBIZ) 2024 menyifatkan penganjuran program tersebut banyak membantu memperluas produk keluaran mereka.

Jehan Ja'afar, pengasas Qidot Cafe yang menjual aneka makanan, mengambil kesempatan mempromosi kafe tersebut dengan mengagih 1,500 baucar bernilai RM3,000 kepada pengunjung.

Mengakui SELBIZ menjadi rebutan usahawan, beliau memberitahu 500 baucar diedar setiap hari untuk menggamit lebih pelanggan yang boleh menebus nilai RM2 untuk setiap pembelian.

"Saya seru usahawan yang baru berkecimpung untuk merebut peluang termasuk menimba ilmu dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor," katanya pada 5 Oktober.

Beliau juga memutuskan untuk menyertai pameran sama tahun ini dengan skala lebih besar berikutan keuntungan yang dinikmati mereka pada edisi tahun lalu.

"Tahun lepas, kami tiada pengalaman tetapi tetap mendatangkan untung. Kali ini, kami bawa produk yang selalu mendapat permintaan supaya Qidot Cafe menjadi pilihan ramai," katanya.

Pemilik Effa Maruku Crunchy Noor Effawati Johar pula memanfaatkan penganjuran SELBIZ dengan mencari ramai ejen jualan produknya yang bertapak di Kelantan.

"Saya teruja sertai ekspo usahawan anjuran Selangor. Perniagaan kami lebih tertumpu di Kelantan, jadi sepan-

jang ekspo kami cuba mencari penjual sekitar Lembah Klang.

"Menariknya maruku ini dibuat secara manual. Sekarang ramai menggunakan mesin tetapi kami menggunakan cara lama untuk mengekalkan kerangupan," katanya.



SELBIZ 2024 berlangsung pada 4 hingga 6 Oktober di Pusat Konvensyen Setia City yang dianjurkan kali ketiga itu turut disertai vendor dan pempamer Indonesia.

Pelbagai acara menarik antaranya pemeriksaan kesihatan percuma, ramah mesra bersama pemain Selangor FC, persembahan silap mata, zoo mini, persembahan artis dan pertandingan papan luncur.

Ehsan Mart Sungai Tua memudahkan beli barang dapur

Jualan murah setiap minggu

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

GOMBAK - Pengunjung program jualan murah barangan asas di Pasar Raya Ehsan Mart Sungai Tua di sini berharap inisiatif tersebut diteruskan di lokasi sama setiap minggu.

Suhaida Hamzah, 43, yang mengunjungi Jualan Ehsan Rahmah (JER) lebih 50 kali berkata premis tetap memudahkan orang ramai kerana mereka tidak lagi perlu menyemak lokasi setiap hari.

"Apabila buat di sini, tidak perlu lagi kami menunggu lori seperti sebelum ini. Kita sudah tahu tempat dan lebih mu-



dah untuk membeli barangan.

"Saya bersyukur, boleh jimat sekurang-kurangnya 30 peratus bila membeli di sini berbanding pasar raya luar dengan mutu barangan setanding," kata suri rumah itu lagi pada 6 Oktober.

Kontraktor Rifai Rapkodi, 53, pula menganggap jualan di Ehsan Mart memberi peluang kepadanya membeli barang keperluan lain yang tiada di lokasi JER.

"Jadi mudah, kita pergi satu tempat sahaja. Semua boleh dapat tidak perlu ke banyak-banyak tempat. Barangan pula lebih murah dari pasaran dan sangat berbaloi.

"Seperti telur, di luar tidak dapat harga RM10 untuk gred B, biasanya RM12, jadi jimat. Sama juga seperti ayam, sekurang-kurangnya RM14 seekor jika beli di pasar raya luar," katanya.

Program JER di Ehsan Mart Sungai Tua menawarkan lima barangan asas iaitu beras super special import 5kg (RM13), minyak masak 5kg (RM25), daging beku 1 kilogram (RM10), ayam (RM10 seekor) dan telur (RM10 sepapan).

Pada 8 September, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor melancarkan Ehsan Mart yang menawarkan harga barangan asas sehingga 15 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran luar dan pasar raya itu bakal diperluas di seluruh Dewan Undangan Negeri.

Bangunkan peniaga mahir digital

SHAH ALAM - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan dilengkapi dengan kemahiran digital yang relevan serta peranti untuk berkembang dalam era digital melalui Program Selangor 1000 Digital.

Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) memaklumkan Kerajaan Negeri komited membangunkan keusahawanan digital selepas menamatkan siri terakhir program itu di Gombak pada 3 Oktober.

Menurut Sidec, program diterajunya bersama Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan EXCO keusahawanan serta AFFIN Bank sebagai penaja utama itu memberi dampak besar kepada eko-

sistem perniagaan digital di negeri ini.

"Selepas lebih 2,200 peserta yang terlibat sepanjang lima siri, Selangor 1000 Digital 2024 berjaya mendigitalkan usahawan daripada pelbagai sektor dengan memperkenalkan teknologi terkini dan platform e-dagang seperti TikTok Shop, Shoptline, Pos Malaysia, Fiuu, TnG eWallet, Bizapp, Maxis Business, Gofluence dan banyak lagi serta teknik penstriman langsung sebagai alat pemasaran moden," katanya dalam kenyataan.

Selain berjaya merangka modul latihan yang komprehensif, Sidec memaklumkan penganjuran Selangor 1000 Digital juga berjaya menarik penyerta-

an yang memberangsangkan di setiap daerah melebihi sasaran awal.

Melihat kepada sambutan luar biasa yang diterima, Sidec memaklumkan program Selangor 1000 Digital akan diteruskan tahun hadapan dengan rancangan untuk diperluas ke daerah lain.

"Program ini akan terus menjadi platform utama dalam mempersiapkan usahawan Selangor dengan ilmu berkenaan pendigitalan yang membantu usahawan di Selangor menghadapi arus kemodenan sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri secara keseluruhan," katanya.



Kelamai makin hilang

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Kelamai, sejenis kuih tradisional orang Rawa yang terkenal suatu ketika dahulu khususnya di Gopeng, Perak kini berdepan kepupusan.

Penyediaan juadah tradisi yang melecehkan, rumit dan memakan masa menjadi penyebab orang enggan membuatnya di samping kurang kesedaran untuk mewarisi kaedah pembuatan kuih itu.

Sebelum dekad 1990-an, setiap rumah dan kampung di Gopeng lazim menyediakan kelamai untuk hidangan Hari Raya Aidilfitri, namun tradisi 'makanan mewah' itu semakin terhakis ketika ini.

Kini hanya satu keluarga sahaja di situ yang menjadi pembekal juadah tradisi berkenaan.

Penyediaan beberapa bahan memasak kelamai sama seperti membuat dodol iaitu tepung pulut, santan dan gula merah, serta dibakar di dalam buluh seperti lemang.

Namun, ada beberapa bahan tambahan lagi seperti kerisik, tahi minyak dan tepung beras diperlukan, hanya untuk membuat adunan kelamai.

Penggunaan buluhnya pula berlainan kerana kelamai memerlukan buluh beting yang tebal dan ruasnya pendek. Ia hanya diperolehi dalam hutan, berbanding buluh lemang yang mudah didapati.

Buluh kelamai itu kemudian diraut sehingga kulitnya putih sebelum direndam selama tiga hari bagi melembutkan batang itu.

Ruas buluh perlu ditebuk di dalam sebelum adunan kelamai dimasukkan ke dalamnya tanpa alas daun pisang. Adunan itu kemudian diperam tiga hari sebelum dibakar selama tujuh jam.

Kelamai, yang rupanya sama seperti dodol tetapi berongga, berasa masam dan kenyal sehingga boleh disimpan selama lima hingga enam bulan dan tidak basi jika betul cara penyimpanannya.

"Kalau dulu di Gopeng setiap kali hari raya, memang akan ada sajian ini, tapi sekarang semakin lama semakin pupus. Orang kampung tak buat dah.

"Orang tak tahu tentang kelamai tu (sekarang). Itu yang



Foto Facebook Seladang Perak

menyebabkan kelamai ni semakin lama semakin tidak popular," kata Dr Nur Afni Halil dalam Seminar Gastronomi Melayu Kebangsaan (Segemuk) di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi, Hulu Langat pada 1 Oktober.

Membentangkan kajiannya bertajuk Kelamai the Rao delicacy from Perak: A study on the impact of product packaging on consumers purchase intention, ketua Jabatan Pengiklanan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Tunku Abdul Rahman itu mendapati juadah kelamai yang mulai kurang popular sejak pertengahan 1990-an.

Tidak dikenali

Dr Nur Afni yang juga berdarah Rawa mendedahkan generasi muda tidak mengenali kuih tradisional itu berbanding dodol atau lemang disebabkan kurang pendedahan mengenai juadah tradisi itu.

Justeru, kajian beliau itu bertujuan memelihara pembuatan kuih tradisi komuniti itu daripada hilang ditelan zaman.

Sementara itu, Pengarah Segemuk Dr Faisal Musa berkata usaha semua pihak khususnya kerajaan harus memainkan peranan penting untuk memastikan kuih muih tradisional tidak pupus atau hilang begitu sahaja.

Dalam ucap terna seminar itu, beliau menggariskan tiga usaha kementerian atau jabatan kerajaan

PERBANDINGAN KELAMAI, DODOL DAN LEMANG

Elemen perbandingan	Kelamai	Dodol	Lemang
Bahan	Kelapa parut untuk buat santan, tahi minyak, kerisik; gula merah, garam, tepung pulut, tepung beras	Tepung beras pulut, santan, gula merah, gula pasir	Beras pulut, santan, garam
Tekstur	Kenyal dan padat	Lembut, kenyal dan sedikit melekit	Berberas, melekit, padat
Proses pembuatan	-Adunan diperam selama 1 - 3 hari -Dibakar dalam buluh beting/hutan yang keras kulitnya dalam tempoh 7 - 8 jam	Dimasak dalam kualiti besar dengan api perlahan sambil di kacau secara berterusan sehingga pekat dan berwarna coklat gelap	Dibakar terus dengan bara api lepas bahan - bahan dimasukkan dalam buluh yang dilapik daun pisang sehingga beras pulut masak
Ketahanan	5 - 6 bulan	3 - 6 bulan	2 - 3 hari

Sumber Kertas kerja Dokumentasi Penyediaan Kelamai: Kuih Tradisional Masyarakat Rawa di Perak

boleh berperanan merealisasikan usaha pemeliharaan kuih tradisi melalui cara memori berjejak. Usaha itu ialah:

- Jabatan Warisan Negara menyediakan insentif kepada suri rumah terus menyediakan dan menjual kuih tradisional secara dalam talian, seperti ketika pandemik Covid-19, agar membantu menyemarakkan memori berjejak
- Mencadangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan dan Kementerian Wanita mengembalikan pendekatan menyiapkan kuih raya secara bergotong-royong seperti amalan masyarakat dahulu sempena acara, persatuan atau kejiranan tertentu

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya membantu mengekalkan memori berjejak dalam bentuk benda warisan dengan membina memorial, tugu, tanda atas bahan berharga seperti setem dan wang supaya terus diingati

Petanda murung

Kemurungan boleh terjadi apabila seseorang melalui dugaan hidup seperti kehilangan orang tersayang, ditimpa musibah, kemiskinan, bersara dan menghadapi penyakit kronik.

Faktor sejarah keluarga dan pengambilan ubat atau bahan terlarang juga boleh menyumbang kepada kemurungan. Ada juga kemurungan tercetus kerana perubahan cuaca.

Gangguan mental itu boleh dirawat termasuk mengambil ubat antikekurungan. Sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia pada 10 Oktober, wartawan NAZLI IBRAHIM menyenaraikan gejala dan jenis kemurungan.

GEJALA

- sedih lebih dua minggu
- mudah tersinggung atau cepat marah
- tidak seronok terhadap aktiviti kesukaan
- lesu sepanjang masa
- hilang keyakinan diri
- sering rasa bersalah
- enggan teruskan kehidupan harian
- gagal tumpu pekerjaan
- susut berat badan
- gangguan tidur atau tidak puas tidur
- selalu rasa was-was

JENIS

Kemurungan teruk

- terbahagi dua iaitu atipikal (luar biasa) dan melankolia (perasaan sedih atau sayu berpanjangan)
- atipikal cenderung tidur, makan banyak, beremosi dan sangat cemas
- melankolia ada masalah tidur dan rasa bersalah berlebihan
- remaja lazim alami atipikal manakala melankolia kerap berlaku terhadap warga tua

Kemurungan biasa

- Pesakit alami dua atau tiga gejala kemurungan selama seminggu

Kecelaruan kemurungan berterusan

- pesakit bergejala kemurungan dua tahun atau lebih
- kanak-kanak alami kemurungan jenis ini jika bergejala setahun atau lebih

Kecelaruan resah prahaid

- ada gejala kemurungan seminggu sebelum haid
- berpunca perubahan hormon semasa kitaran haid

Kecelaruan perasaan cetusan bahan

- gejala kerana dadah, alkohol atau ambil bahan terlarang lain

Kecelaruan perasaan bermusim

- lazim berlaku pada musim luruh atau sejuk
- pesakit makan terlalu banyak, tidur terlalu lama, berat badan bertambah atau enggan bersosial
- berpunca ketidakseimbangan serotonin otak, kadar melatonin berlebihan dan vitamin D tidak mencukupi

Kemurungan bipolar (perubahan emosi mendadak)

- perubahan mendadak daripada gembira kepada putus asa
- mental dan fizikal pesakit terlebih bertenaga secara mengejut

Kemurungan lepas bersalin

- ada rasa ingin cederakan diri atau bayi
- disebabkan perubahan hormon dan keletihan
- turut dialami lelaki kerana hidup berubah menjadi bapa

Kemurungan psikotik (orang yang mengalami gangguan mental)

- ditakrif hilang kefahaman terhadap realiti
- pesakit berhalusinasi dan berprasangka

Kemurungan tahan rawatan

- berpunca daripada kegagalan pesakit bertindak balas terhadap ubat antikekurungan

Kemurungan akibat sakit

- berlaku terhadap pesakit sakit kronik seperti penyakit jantung, barah
- keradangan akibat sakit kronik cetus kemurungan



Rawat tekanan mental

Oleh NADIAH ZAMLUS

Hampir satu bilion penduduk dunia termasuk berjuta-juta kanak-kanak dan anak muda mengalami kesihatan mental, kebanyakan mereka tiada kemudahan untuk menerima rawatan, menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2023.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada 2019 pula mendapati seorang daripada lapan remaja berusia 10 hingga 19 tahun di negara ini berdepan dengan gangguan mental.

Masalah itu memuncak sepanjang pandemik Covid-19 pada 2020 termasuk peningkatan kes bunuh diri. Menurut polis, sebanyak 631 kes dicatat pada tahun berkenaan, meningkat berbanding 609 kes pada 2019.

Di Selangor, sebanyak 10,459 kes sedemikian dirujuk ke klinik kesihatan daerah dalam tempoh empat tahun dari 2020 hingga 31 Mac tahun ini, menurut EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Bilangan pesakit tertinggi direkod di Klang iaitu lebih 500 pesakit setahun, diikuti Petaling (lebih 400 pesakit) dan Sepang (lebih 300 pesakit). Justeru, Selangor mewujudkan Talian Selangor Mental Sihat (SEHAT) kendalian Pusat Kaunseling Selangor (PKS).

Menurut penyelarasnya Faridah Abdul Jalil @ Abas (foto) yang ditemu bual sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada 10 Oktober, seramai 3,394 meliputi lebih 5,000 sesi dijalankan sejak 2018 sehingga kini.

Semua kes dikendalikan kaunselor bertauliah berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia melalui janji temu. Meski mereka bukan penyelesaian masalah tetapi sekurang-kurangnya membantu mereka mencapai kelegaan emosi (katarsis).



Belia berusia 29 hingga 40 tahun paling ramai mendapatkan khidmat itu. Mereka dalam situasi menyesuaikan diri dengan pelbagai proses kehidupan. Berkahwin, mencari pekerjaan dan pelbagai isu lain. Jika gagal, mereka berdepan tekanan berlebihan.

Isu keluarga

Kes tertinggi melibatkan isu kekeluargaan khususnya hubungan suami isteri termasuk tiada persefahaman, kecurangan pasangan dan tabiat menonton bahan porno.

Sejak 2018 hingga kini, sebanyak 2,880 kes rumah tangga diterima PKS.

“Biasanya, individu yang hadir ke PKS sedar

mereka berada dalam kemelut rumah tangga dan tahu jika isu mereka ini tidak didengari atau tidak dibantu, boleh membawa kepada kesihatan mental.

“Kami mengesyorkan agar kedua-duanya iaitu suami dan isteri mendapatkan sesi kaunseling bagi menetapkan matlamat sesi dan hala tuju dalam hubungan perkahwinan,” kata Faridah pada 4 Oktober.

Tiga cawangan PKS terletak di Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selangor. Perkhidmatan yang ditawarkan antaranya kaunseling individu, kelompok, keluarga, rumah tangga dan perkahwinan, kerjaya dan trauma.

Pengadu juga boleh mendapatkan khidmat tersebut menerusi talian SEHAT melalui talian 1700-82-7536 atau 1700-82-7537.

KAEDAH KAUNSELING PKS

Mengajar orang ramai bertanggungjawab ke atas dirinya

Membantu orang ramai memahami diri sendiri dan lebih positif

Menolong orang ramai menyesuaikan diri dengan orang lain atau persekitaran masing-masing

Membantu orang ramai supaya lebih produktif

Membimbing orang ramai membentuk imej yang positif agar wujud kestabilan atau kesempurnaan personaliti dalam mencapai cita-cita





Pengunjung Khairul Anwar Kamaruddin bersama isteri Siti Suraya Shariff mengimbas kod QR bagi pendaftaran ke Ekspo Usahawan Selangor pada hari pertama pameran



Dato' Menteri Besar menyentuh skrin sebagai simbolik perasmian SELBIZ di Shah Alam pada 5 Oktober. Turut sama Najwan (dua, kanan) dan Suhaimi (dua, kiri)



Amirudin melawat reruai syarikat perkhidmatan elektrik Swifx selepas majlis perasmian di Pusat Konvensyen Setia City pada hari kedua program



Pelawat tertarik dengan model kediaman dan mendapatkan maklumat projek perumahan Aludra yang dibangunkan PKNS ketika mengunjungi ekspo pada 5 Oktober



Petugas memeriksa kesihatan warga emas yang menyertai saringan percuma di reruai anak syarikat PKNS Selcare dalam SELBIZ di Pusat Konvensyen Setia City pada 5 Oktober



Sekumpulan pengunjung mendapatkan khidmat nasihat perniagaan di reruai Klinik Usahawan Selangor semasa ekspo usahawan pada 4 Oktober



Orang ramai memenuhi ruang pameran SELBIZ di Pusat Konvensyen Setia City pada 5 Oktober. Ekspo berlangsung tiga hari sehingga 6 Oktober

PULUHAN RIBU orang berkunjung ke Ekspo Usahawan Selangor (SELBIZ) 2024 yang berlangsung tiga hari di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Setia Alam, Shah Alam bermula 4 Oktober.

Disertai lebih 200 pempamer termasuk dari Indonesia, ekspo anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) buat kali ketiga itu menyasar nilai transaksi sehingga RM3 juta berbanding RM2.2 juta yang diterima tahun lalu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyempurnakan perasmian ekspo tersebut pada hari kedua. Turut sama EXCO Keusahawanan Najwan Halimi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) PKNS Suhaimi Kasdon.

Bertema "Melangkah Lebih Jauh", SELBIZ diserikan dengan aktiviti menarik antaranya pemeriksaan kesihatan percuma, sesi ramah mesra bersama pemain Selangor FC, persembahan silap mata, zoo mini dan pertandingan papan luncur.

SELBIZ antara usaha PKNS memperkenalkan produk usahawan tempatan ke pasaran antarabangsa serta pendedahan awal sebelum peniaga menyertai Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2024 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu pada November.

Jurufoto FIKRI YUSOF, NUR ADIBAH AHMAD IZAM dan ELYANA NATASHA MOHD ZAIDI merakamkan sebahagian aktiviti dijalankan dalam ekspo yang berakhir 6 Oktober. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Petugas Lembaga Zakat Selangor menerangkan kepada pengunjung mengenai kaedah pembayaran zakat melalui potongan gaji pada 5 Oktober



Syarikat Kidzo Care menyediakan penjaga kanak-kanak, kemudahan untuk ibu bapa yang mengunjungi SELBIZ di Shah Alam pada 5 Oktober



(Dari kiri) Nazhariliya Shuhada Ahmad Suhaimi, Qatira Qirranie Ahmad Zaihom dan Nazatul Natasha Abdul Razak menunjukkan pencuci pakaian keluaran syarikat mereka Do'zee pada 4 Oktober



Wakil pengedar CV Raja Patin menunjukkan produk keropok kulit ikan patin di reruai syarikat pada 4 Oktober. Sebanyak 3,000 pek keropok dijual sepanjang pameran



Usahawan kek Mimi Asmida Mohd Hassan dan Nur Jsrina Jasri (kiri) menunjukkan teknik hiasan kek di hadapan pentas utama Ekspo Usahawan Selangor pada 4 Oktober



Pengunjung SELBIZ Mohd Nurazrul Mohd Rusli membuat cabutan undi untuk memenangi hadiah di reruai Bantal Leyna pada 4 Oktober



Pelawat ekspo seronok bermain simulasi perlawanan bola sepak digital yang disediakan di sudut interaktif Tech Area SELBIZ pada 4 Oktober



Pengunjung wanita mencuba perkhidmatan merias dan menghias kuku di reruai Kayaku Spa ketika Ekspo Usahawan Selangor pada 5 Oktober

Prestasi ringgit tanda keyakinan pelabur



Pengerusi Institut
Terjemahan & Buku
Malaysia, **NOOR
AMIN AHMAD**
juga bekas ahli
parlimen

Baru-baru ini Kumpulan Bank Dunia telah membuat satu kenyataan perubahan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini daripada 4.3 peratus kepada 4.9 peratus. Perubahan unjuran meningkat sebanyak 14 peratus ini pastilah didorong oleh beberapa petunjuk baik berkaitan ekonomi dalam dan luar negara.

Dalam keadaan ekonomi dunia masih berdepan dengan pelbagai ketidakpastian termasuk kemelut inflasi dan ketegangan geopolitik termasuk perang, peningkatan kestabilan politik dalam negara di samping kejelasan dasar-dasar yang menunjukkan hala tuju negara telah menarik minat ramai pelabur besar untuk menjadikan negara kita sebagai destinasi mereka.

Petunjuk-petunjuk positif yang dipantau oleh Bank Dunia menggambarkan adanya keyakinan pengguna yang menyokong pengeluaran per kapita dalam perkhidmatan dan pembuatan yang mengatasi prestasi negara-negara Asia yang lain.

Tambah menarik lagi, ketua ekonomi Bank Dunia di Malaysia, Apurva Sanghi menyatakan bahawa dengan kadar tukaran mata wang semasa iaitu satu dollar berbanding RM4.20 dan kadar pertumbuhan pada tahap 4.9 peratus, Malaysia boleh mencapai status negara maju seawal 2027.

Dari semasa ke semasa kita akan mendengar perbincangan tentang kekuatan mata wang negara yang ditandai oleh kenaikan dan penurunan dari semasa ke semasa disebabkan pelbagai faktor.

Dari segi sejarah, mata wang ringgit pertama kali diperkenalkan bagi menggantikan dolar Malaya dan dolar British Borneo pada 1967. Ringgit sejak itu memakai simbol \$ setiap kali ditulis sehingga 1992, semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi menteri kewangan, simbol ini ditukar kepada Ringgit Malaysia atau RM.

Mata wang ringgit dan RM didagangkan secara

bebas di pasaran dan pernah pada satu tahap di pertengahan 1990-an ditukar pada kadar RM1 bersamaan 2.50 dolar Amerika, satu gambaran kekuatan ekonomi negara pada satu ketika dulu.

Namun, berdepan dengan pelbagai ketidakpastian global dan domestik, RM mengalami perubahan terutama semasa Krisis Kewangan Asia 1997 di mana nilai mata wang negara-negara Asia mengalami penyusutan mendadak sehingga Perdana Menteri pada masa itu, Tun Dr Mahathir Mohamad menambat kedudukan ringgit berbanding dolar Amerika pada kadar RM3.80.

Tindakan ini telah menjadi sebahagian daripada perdebatan besar dalam kalangan ahli ekonomi memandangkan dasar ini diambil agak lama selepas krisis berlaku dan negara-negara yang mengambil pelbagai pendekatan berbeza, masing-masing pulih pada tahap dan kadar berbeza.

Latar ini penting kerana dalam perbincangan umum. Ini khususnya kerana wujud pandangan agar RM ditambat semula semasa berdepan kejatuhan nilai pada awal 2023, iaitu semasa kerajaan baharu terbentuk pasca Pilihan Raya Umum ke-15.

Mengurus dengan cekap

Sama seperti banyak negara lain, ini antara cabaran awal kerajaan yang dipimpin oleh Anwar semasa baru dilantik menjadi perdana menteri.

Ini ditambah pula dengan cabaran ketidakstabilan politik sepanjang tahun pertama.

Dalam realiti inilah kita melihat kerajaan menyusun keutamaan untuk menstabilkan mata wang dan mengembalikan keyakinan pelabur.

Selain meyakinkan bahawa kerajaan semasa stabil dari segi politik, beberapa dasar utama dibentangkan kepada umum sebagai kerangka ekonomi Madani yang bertujuan melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

Antara yang utama ialah tanggungjawab fiskal. Ini pernah saya bangkitkan berkali-kali di Parlimen kerana kerajaan perlu

keluar daripada perbelanjaan defisit secara berterusan dengan penambahan hutang 'jahat', iaitu perbelanjaan sia-sia atau tidak memberi pulangan setimpal.

Ini kerana peningkatan komitmen hutang yang perlu dibayar menyempitkan peluang kerajaan berbelanja untuk perkara-perkara penting dan utama.

“Dengan kadar tukaran mata wang semasa iaitu satu dollar berbanding RM4.20 dan kadar pertumbuhan pada tahap 4.9 peratus, Malaysia boleh mencapai status negara maju seawal 2027

Penyelesaian masalah ini mungkin akan mengambil tetapi mesti bermula segera dan ini nampaknya diambil perhatian oleh kerajaan.

Seterusnya Anwar menunjukkan komitmen luar biasa dalam membina hubungan antarabangsa dan sekaligus menarik potensi pelaburan pelbagai ke negara kita. Ini nampaknya kian berhasil melalui kenyataan beberapa syarikat bergasi di dunia.

Pada masa yang sama Anwar kekal memberi penekanan terhadap ekuiti sosial yang bertujuan untuk meningkatkan lantai ekonomi kepada ramai rakyat yang secara tidak langsung akan membolehkan mereka menyertai aktiviti secara lebih aktif khususnya dalam pasaran ekonomi tempatan.

Dasar monetari oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mempunyai peranan kritikal dalam penstabilan mata wang.

Meski ada suara-suara yang mempersoalkan kenaikan harga barang tertentu, umumnya petunjuk inflasi masih di tahap baik, antara 1.5 hingga tiga peratus. Ini membolehkan kadar tukaran semalaman (OPR) dikekalkan oleh BNM pada tahap tiga peratus.

Naik turun mata wang akan terus berlaku. Dalam mana-mana keadaan, akan ada pihak yang untung dan rugi. Sebagai contoh, ketika RM mengukuh, kos eksport akan menjadi lebih tinggi dan kos import akan menjadi lebih rendah.

Begitu juga, kos untuk melancong ke luar negara menjadi lebih rendah dan kos pelancong luar untuk masuk ke dalam negara menjadi lebih tinggi.

Selain itu, ekonomi Malaysia yang banyak bergantung kepada eksport komoditi seperti getah dan sawit tetap terdedah kepada ketidakpastian global. Oleh kerana itu kita tidak boleh merasa selesa.

Kerajaan telah menunjukkan bagaimana dalam tempoh setahun terakhir pengurusan yang cekap telah memberi hasil lebih baik. Tatakelola yang baik mesti diteruskan bagi meningkatkan lagi pencapaian kita ke peringkat yang seterusnya. Siapa tahu mungkin kita dapat mencapai status negara maju pada 2026?



Demi maruah Palestin



MARWAN BUKHARI A HAMID
ialah penulis dan penterjemah.
Lulusan Universiti Yarmouk,
Jordan dan Universiti
Sains Islam Malaysia

Setahun sudah serangan Harkat al-Muqawamah al-Islamiyyah atau Hamas terhadap Israel pada 7 Oktober, namun krisis Palestin bukan baru berusia setahun. Perang yang menjadi berita wajib saban hari di media-media seluruh dunia ini bukan bermula 7 Oktober 2023, atau ketika Perang Gaza 2008-2009, Sabra Shatila 1982, Perang Enam Hari 1967 atau apa-apa tarikh genting lain dalam sejarah Palestin moden.

Paling tidak, penindasan terhadap bumi Palestin sudah berlaku sejak 1948 saat lebih 700,000 warga Palestin dihalaui keluar dari watan sendiri.

Setelah itu, pelbagai siri penindasan lain berlaku secara terang-terangan di pentas dunia.

Sejak awal perang tanggal 7 Oktober, pelbagai pandangan dilontarkan sama ada menyokong atau mengkritik.

Namun, tokoh perundangan Islam dan pemikir tersohor dari Mesir, Dr Muhammad Salim al-'Awwa dalam satu wawancara mempertahankan serangan itu.

Bagi tokoh berusia 80-an ini, itu tanggungjawab warga terjajah menghadapi penjajah.

Apabila ditanya tentang ancaman bahaya dari Israel akibat serangan itu, beliau menyebut pelbagai usaha perdamaian dan perjanjian telah dilakukan sejak berdekad-dekad, namun semua itu tidak berhasil.

Bukan hanya Palestin, malah Lubnan, perbatasan Mesir, Bukit Golan di Syria, Iraq dan Iran.

Logik perang yang digunakan al-'Awwa dan ilmuwan yang sekepala dengannya sudah tentu sukar difahami bagi yang hidup damai dan makmur di negara masing-masing.

Implikasi bagi setiap keputusan yang diambil dalam konteks damai tidak sama dengan implikasi bagi keputusan yang diambil dalam konteks perang.

Penentangan terhadap penjajah bukan pembangkangan terhadap kerajaan yang sah.

Isunya bukan sekadar hak untuk mempertahankan diri, tetapi lebih daripada itu adalah untuk menentang penjajahan, sementara penjajah yang layak digelar sebagai "kejahatan mutlak" sebagaimana kata ahli falsafah terkemuka dari Maghribi, Taha Abdul Rahman.

Di sebalik perang fizikal yang laksana api nan

marak, serentak dengan itu juga perang naratif hangat di seluruh dunia.

Jika selama ini naratif Israel melalui media elektronik dan cetak mudah mempengaruhi, namun kali ini segalanya sudah berubah.

Media sosial amat berkuasa sehingga menggugat naratif Israel termasuk di kubu kuat para pelobi mereka sendiri, Amerika Syarikat.

Saat ada negara Arab yang menormalisasi hubungan dengan Israel melarang perhimpunan pro-Palestin, protes mahasiswa di Amerika Syarikat pula secara terang-terangan melaungkan slogan melawan Israel sebagai penjajah.

Di Universiti Colombia, kedengaran "resist until victory" (Lawan sampai menang) dan "over 100,000 dead, Colombia, your hands are red" (Lebih 100 ribu mati, tangan anda berlumuran darah wahi Colombia).

Itu bukan berita awal atau pertengahan tahun ini yang memuncak dengan pelbagai protes mahasiswa, tetapi laporan New York Post pada 3 September 2024. Tandanya suhu protes masih tinggi.

Sebar mitos

Perang naratif ini penting sekali kerana Israel menyebarkan banyak mitos di media dan juga ruang akademik. Saintis politik Yahudi Ilan Pappé menganalisis 10 mitos utama yang dipropagandakan oleh Israel.


Antaranya ialah kononnya Palestin dahulunya tanah kosong, walhal bumi ini ada sejarah panjang tamadun kemanusiaan. Mereka juga mendakwa berhak untuk kembali ke Palestin.

Antaranya kerana alasan agama, walhal wacana untuk mengembalikan orang Yahudi ke Palestin dimulakan oleh tokoh-tokoh Kristian terutama beraliran Protestan.

Serentak itu, kebangkitan Messiah juga diimpikan untuk berlaku.

Mitos seterusnya menyamakan antara Zionisme dan Yahudi, sedangkan Zionisme adalah

WILAYAH PALESTIN MENYUSUT KE TANGAN ISRAEL, 1917-1995



Sumber: Al Jazeera, Good & Beautiful, dan Political Geography Now

projek politik yang muncul terkemudian.

Kajian keagamaan dan sejarah cuba dipaksakan untuk menerima persamaan palsu itu.

Zionisme juga cuba dinafikan sebagai projek kolonial, dalam masa sama Israel dipromosikan sebagai negara demokrasi.

Walhal, menurut Pappé setelah memberi pelbagai hujah meyakinkan, Zionisme adalah projek kolonial yang belum selesai, serta penjajahan Israel tidak wajar digelar sebagai mengamalkan demokrasi.

Sekiranya awal rencana ini menyebut hujah cenderung 7 Oktober, namun saya percaya para pendukung perjuangan rakyat Palestin tidak sewajarnya selesa melepaskan geram di media atau di jalanan sahaja.

Tindakan lebih strategik meski berjangka masa panjang diperlukan. Bersuara di media sosial dan boikot produk yang sahih mendanai Israel boleh diteruskan, tetapi itu tidak memadai.

Bagi umat Islam, perseteruan antara aliran Islam perlu dipadamkan apabila melibatkan

isu Palestin. Sunni dan Syiah sebagai contoh perlu berganding bahu dalam hal ini.

Malangnya, suasana semasa menunjukkan pertembungan antara dua aliran ini masih dinikmati Israel.

Seterusnya, jika Israel giat menyebarkan naratifnya sejak sekian lama, maka umat pro-Palestin juga hendaklah menyebarkan naratif tersendiri.

Naratif itu hendaklah berciri benar, sejagat, rasional dan memujuk agar bertambah ramai yang boleh diyakinkan.

Mitos-mitos Israel yang ditanam meluas pula hendaklah dibenamkan dan diganti dengan naratif sebenar.

Akhirnya, gerakan Zionis tidak menubuhkan Israel dalam satu malam. Israel tidak menjinakkan Amerika Syarikat dalam sehari.

Lobi berterusan dan strategik, perbelanjaan amat besar, kepimpinan berpengaruh dan pemerataan naratif hanya akan tewas melalui usaha setara atau lebih hebat yang dilakukan umat Islam. Ataupun kita mahu menantikan keajaiban sahaja?

Kaedah ilmu wahyu



Bicara Agama

Wacana Islam mempunyai latar sejarah yang amat panjang. Walau terdapat wacana Islam berkaitan dengan ketamadunan, peradaban, ekonomi, sosiologi, falsafah dan sebagainya, wacana yang paling utuh sejak era awal sehingga kini ialah kaedah memahami teks wahyu Islam dalam mencari kefahaman yang bertepatan dengan kehendak Tuhan.

Daripada wacana itu, lahir satu tradisi ilmu dalam Islam yang disebut sebagai Usul al-Syariah, iaitu bagaimana idrak atau mencerap teks Islam yang merangkumi kepada dua perkara besar;

(a) Keabsahan sesuatu fakta yang disandarkan kepada agama yang dalam bahasa ilmunya disebut sebagai thubut

(b) Keabsahan kefahaman terhadap fakta yang dalam bahasa ilmunya disebut sebagai dilalah

Dari sudut penulisan, al-Imam al-Syafie (lahir 150 Hijrah – meninggal 204 Hijrah) ialah ulama Islam pertama menulis berkenaan hal ini menerusi karya beliau yang bertajuk al-Risalah.

Pun begitu, kaedah-kaedah yang beliau kemukakan dalam kitab terbabit sudah diguna pakai dalam perbahasan ilmu oleh ulama – ulama sebelum beliau, seperti al-Imam Abu Hanifah (lahir 80 Hijrah – meninggal 150 Hijrah) dan al-Imam Malik (lahir 93 Hijrah – meninggal 179 Hijrah).

Daripada dua perkara ini, lahir pula beberapa klasifikasi tradisi ilmu Islam seperti berikut;

(1) Ilmu Usul al-Hadis yang memfokuskan kepada cara untuk memastikan sejauh mana sesuatu penceritaan yang disandarkan kepada Nabi SAW dan para sahabat itu, benar-benar ia datang daripada sumbernya yang asal.

Daripada ilmu ini, lahir beberapa orang jaguh yang terkenal seperti al-Imam al-Bukhari (lahir 194 Hijrah, meninggal 256 Hijrah), al-Imam Muslim (lahir 206 Hijrah, meninggal 261 Hijrah), al-Imam Tirmizi (lahir 209 Hijrah dan meninggal 279 Hijrah), al-Imam Abu Daud (lahir 202 Hijrah, meninggal 275 Hijrah), al-Imam al-Nasaie (lahir 215 Hijrah, meninggal 313 Hijrah) dan al-Imam Ibn Majah (lahir 209 Hijrah, meninggal 273 Hijrah) dan ramai lagi.

(2) Ilmu Usul al-Fiqh yang memfokuskan kepada cara memastikan sesuatu pentafsiran terhadap teks al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan amalan perbuatan agar tidak terjebak kepada pemahaman yang menyeleweng. Daripada ilmu ini, lahir beberapa orang jaguh yang terkenal seperti al-Imam Abu Hanifah, al-Imam Malik, al-Imam al-Syafie, al-Imam Ahmad bin Hanbal (lahir 164 Hijrah, meninggal 241 Hijrah) dan ramai lagi.

(3) Ilmu Kalam yang memfokuskan cara kefahaman daripada teks berkenaan konsep ketuhanan. Daripada ilmu ini, lahir beberapa orang jaguh seperti al-Imam Abu al-Hasan al-Asya'ari (lahir 260 Hijrah – meninggal 324 Hijrah), al-Imam Abu Mansur al-Maturidi (lahir 241 Hijrah, meninggal 333 Hijrah), al-Imam Ibn Taimiyyah (lahir 661 Hijrah, meninggal 728 Hijrah) dan sebagainya.

(4) Ilmu Tasawwuf atau Tazkiyah al-Nafs yang memfokuskan berkenaan cara kefahaman yang berpaksikan jiwa dan rasa hati agar tidak tersasar dari batasan syariah. Daripada tradisi ilmu ini, lahir beberapa orang jaguh seperti al-Imam Junaid al-Baghdadi (lahir 215 Hijrah, meninggal 298 Hijrah), al-Imam al-Ghazali (lahir 450 Hijrah, meninggal 505 Hijrah), al-Imam Ibn al-'Arabi (lahir 558 Hijrah, meninggal 638 Hijrah), al-Imam Jalaluddin al-Rumi (lahir 604 Hijrah, meninggal 672 Hijrah) dan banyak lagi.

(5) Maqasid Syariah yang memfokuskan pencarian terhadap maksud dan tujuan di sebalik

penurunan syariah. Jaguh dalam bidang ilmu ini seperti al-Imam al-Syatibi (meninggal 790 Hijrah), Tahir Ibn 'Asyur (lahir 1296 Hijrah, meninggal 1393 Hijrah) dan ramai lagi. Ilmu ini lebih berkembang pesat pada era sekarang dan ada beberapa tokoh yang terkenal seperti Dr Yusuf al-Qaradawi, Dr Ahmad al-Raisuni, Abdullah bin Bayyah dan ramai lagi.

Kelahiran tokoh

Daripada kelima-lima tradisi ilmu usul ini, berkembang pula beberapa tradisi ilmu seperti Ilmu Usul al-Tafsir, iaitu kaedah-kaedah dalam memastikan pentafsiran al-Quran tidak menyanggahi maksud syariah diturunkan, serta mencerap pemahaman terhadap sesuatu ayat al-Quran agar tidak menyanggahi dengan sumber wahyu yang lain seperti hadis dan ijmak ulama.

Daripada sini, lahir beberapa jaguhnya seperti al-Imam Fakr al-Din al-Razi (lahir 544 Hijrah, meninggal 604 Hijrah) yang banyak memfokuskan perbahasan tafsir daripada kaca mata ilmu kalam, al-Imam al-Qurtubi (lahir 613 Hijrah, meninggal 671 Hijrah) yang memfokuskan perbahasan tafsir dari sudut ilmu fiqh dan usul, al-Imam Ibn Kathir (lahir 701 Hijrah, meninggal 774 Hijrah) yang memfokuskan tafsiran al-Quran dari sudut fakta-fakta wahyu daripada hadis dan sebarang periwayatan.

Jika dilihat dalam kalangan ulama kontemporari pula seperti Syaikh Sya'rawi (lahir 1329 Hijrah, meninggal 1419 Hijrah) yang memfokuskan pemahaman ayat al-Quran dari sudut ilmu tasawuf, Rashid Redha (lahir 1282 Hijrah, meninggal 1354 Hijrah) yang membawa pemikiran reformis dalam pentafsiran al-Quran, Tahir Ibn 'Asyur yang mengembangkan pendekatan Maqasid Syariah menerusi ilmu tafsir dan ramai lagi.

Daripada sini, dirumuskan bahawa wacana Islam tidak pernah putus dalam dunia keilmuan. Dalam pada berlaku era kejumudan dan keterbukaannya, ia tidak pernah terhenti sehingga membawa kepada perkembangannya tersendiri.



HARGAI... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tiga, kiri) menyampaikan Geran Penerbitan Anugerah Akademia sepanjang zaman kepada pewaris Za'ba, Sharzede Salleh Askor (dua, kanan) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada 5 Oktober. Foto BERNAMA

PM individu Islam ke-15 berpengaruh

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim individu Islam ke-15 paling berpengaruh di dunia mengikut edisi terkini The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslim 2025.

Turut tersenarai, Raja Jordan Raja Abdullah II Al-Hussein pada tangga pertama dan Raja Arab Saudi Raja Salman Abdul-Aziz Al-Saud (kelima).

Menurut The Royal Islamic Strategic Studies Centre yang menerbitkan buku itu, Anwar di tangga kesembilan bagi kategori pemimpin dan ahli politik Islam berpengaruh dunia, lapor Bernama.

Dalam pengenalan ringkas mengenai Anwar, penerbitan berkenaan menyatakan perdana menteri lantang dalam isu perjuangan rakyat Palestin yang menghadapi kekejaman rejim Israel.

"(Anwar) Ibrahim menjadi penyokong lantang hak Palestin untuk menentang pendudukan. Pertemuan beliau dengan pegawai Hamas (termasuk Allahyarham Ismail Haniyeh) mendapat kritikan Amerika Syarikat," menurut buku tersebut.

Penilaian dibuat berdasarkan pengaruh perubahan budaya, ideologi, kewangan, politik ke atas komuniti Islam dan pada peringkat antarabangsa.

Tumpuan Belanjawan 2025

Tingkat tahap pendapatan

SHAH ALAM - Usaha meningkatkan tahap pendapatan rakyat antara tumpuan penting dalam pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menjelaskan ada keperluan untuk menaikkan tahap pendapatan meski harga barangan seperti minyak masak, petrol dan tepung lebih murah di Malaysia berbanding negara serantau.

Katanya, tumpuan tersebut perlu berikutan tahap pendapatan tidak bertambah meskipun produktiviti atau pelaburan semakin meningkat, lapor Bernama.

"Perlu ada tekanan untuk menaikkan tahap pendapatan kerana, walaupun terdapat kebimbangan mengenai harga, ia kerana gaji yang rendah," katanya kepada CNBC dalam satu wawancara.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar inflasi pada Ogos mereda kepada 1.9 peratus tahun ke tahun, berada sedikit bawah jangkaan.

Pada 5 Oktober di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Anwar yang juga men-

teri kewangan berkata peruntukan RM22 bilion disediakan setahun bagi membasmi kemiskinan di negara ini.

Beliau menambah usaha itu tidak hanya tertumpu kepada pelaksanaan projek atau program, sebaliknya meliputi punca kemiskinan, pemilikan modal dan kecelaruan dalam sistem pemasaran.

"Jika harga ikan di Pantai Remis RM2, sampai ke Ipoh (jadi) RM6, dan bila sampai ke Kuala Lumpur, jadi RM12. Kecelaruan ini tidak membantu nelayan miskin.

"Kita buat projek bantu rakyat miskin di Pantai Remis, tapi jika kita tak betulkan penindasan orang tengah, ini ketempangan, produktiviti dan modal yang rendah," katanya.

Beliau juga menekankan pembasmi kemiskinan bukan sekadar terhadap kepada wang ringgit dan harta benda, tetapi juga melibatkan kemiskinan akal budi, pemikiran dan cita-cita.

Sementara itu Anwar menegaskan bahawa isu kemiskinan perlu diperangi melalui usaha yang melibatkan pelbagai dimensi.



Terokai alam serba mempesonakan di The Peak, Damansara Heights.

SEBUAH USAHASAMA ANTARABANGSA



EASTEN & ORIENTAL



mitsui fudosan group

Hubungi Kami

017 266 1188

Pemaju: Damansara Peak Sdn Bhd (1356425-P) • Alamat Pemaju: C-34-01, Menara Vista Petaling, No.137, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia • Tel:+603 2095 6868 • Lesen Pemaju: 20151/08-2028/1079(R) (Validity Period: 19/08/2023 - 18/08/2028) • Tempoh Hakmilik Tanah: Hakmilik Kekal • Jangkaan Tarikh Penyiapan Projek: Dec 2025 • Pihak Berkuasa Meluluskan: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (No. Rujukan: BP T2 OSC 2019 1745) • Permit Jualan & Pengiklanan: 20151-1/08-2025/0586(R)-(S) (Tempoh Sah: 19/08/2024 - 19/08/2025) • Bebanan Tanah: TIADA • Jumlah Unit: 54 unit • Harga Jualan (RM): RM6,578,000.00 (Min); RM9,933,000.00 (Maks.) • Jenis Projek: Kondominium

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

MetMalaysia: Hujan lebat hingga Mac

SHAH ALAM - Hujan lebat dijangka mulai November hingga Mac tahun depan berikutan Monsun Timur Laut, kata timbalan ketua pengarah (strategik) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Ambun Dindang memberitahu hujan lebat mulai November hingga Disember di ramal di Kelantan, Terengganu dan Pahang manakala Johor, Sabah dan Sarawak antara Disember hingga Januari.

"Hujan berterusan juga mungkin berlaku di negeri pantai barat sekiranya terdapat luruan monsun yang kuat atau kewujudan sistem tekanan rendah," katanya seperti di-lapor Bernama.

Beliau menjelaskan kebanyakan tempat dijangka mengalami taburan hujan bulanan pada paras purata kecuali beberapa kawasan di utara dan timur semenanjung serta timur Sabah.

Lahir generasi celik al-Quran

SHAH ALAM - Penganjuran Mahrajan al-Quran Sekolah-Sekolah (MQSS) peringkat kebangsaan bertujuan melahirkan generasi celik al-Quran, kata Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan.

Pengarahnya Omar Salleh berkata program itu dapat membangunkan insaniah, modal insan kamil dan pengukuhan kemahiran al-Quran serta syiar Islam dalam bidang pendidikan, lapor Bernama.

Katanya, pembudayaan al-Quran dan nilai murni bukan bersifat pertandingan bagi mencari juara tetapi digarap dalam kehidupan seharian, khususnya untuk meneguhkan sifat serta akhlak.

Negeri Sembilan mendominasi tiga anugerah utama dengan merangkul Johan Keseluruhan Sekolah Rendah, Johan Keseluruhan Sekolah Menengah dan Johan Keseluruhan MQSS Kebangsaan 2024.

4,838 notis amaran kesalahan merokok

KUALA SELANGOR - Sebanyak 8,762 aduan kesalahan merokok di premis makanan diterima antara Januari hingga Ogos, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Memberitahu Selangor negeri tertinggi terima notis iaitu 4,838, diikuti Sarawak, Johor, dan Pulau Pinang, beliau berkata pemilik premis hanya diberi notis amaran terlebih dahulu.

"Kita mahu ada penguatkuasaan pendidikan, amaran, kecelikan dan penjelasan dahulu. Mulai 1 April, kita kuat kuasa dengan tegas," katanya pada sidang media pada 6 Oktober.

Beliau ditemui dalam program premis Bersih Bebas Asap peringkat negeri. Sebanyak 44 premis sekitar Puncak Alam di sini diperiksa. Sembilan daripadanya diiktiraf Bersih dan Selamat.

Bank Dunia: Ekonomi negara naik

SHAH ALAM - Kumpulan Bank Dunia menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia kepada 4.9 peratus pada 2024, meningkat 14 peratus daripada 4.3 peratus yang ditetapkan pada April.

Menurut ketua ahli ekonominya bagi Malaysia, kenaikan itu didorong faktor domestik dan luaran ketika ekonomi global mencatat prestasi lebih baik berbanding jangkaan enam bulan lalu.

Apurva Sanghi berkata momentum positif, peningkatan kestabilan politik,

persekitaran dasar dan pacuan lebih banyak pelaburan menyumbang peningkatan unjuran tersebut, lapor Bernama.

"(Terdapat) aliran positif dalam keyakinan pengguna, pembuatan serta perkhidmatan," katanya dalam sesi taklimat Tinjauan Ekonomi Malaysia bagi Oktober di pejabat Bank Dunia di ibu negara pada 8 Oktober.

Sementara itu, asas ekonomi kukuh antara faktor yang menyokong pertumbuhan ringgit pada masa ini, kata Gabe-

nor Bank Negara Malaysia Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour.

Beliau menjelaskan prospek pertumbuhan antara empat dan lima peratus pada tahun ini juga faktor positif yang menyumbang kepada pengukuhan ringgit pada masa depan, lapor Bernama.

"Dari segi pertumbuhan ekonomi, sektor kewangan dan sebagainya memang kukuh. Pada masa ini, asas itu masih kukuh dan (akan) bertambah kukuh lagi," katanya.

Hasil lawatan PM ke Pakistan

Potensi dagang RM2.65 bilion

SHAH ALAM - Lawatan tiga hari ke Pakistan meraih potensi perdagangan bernilai RM2.65 bilion, kata Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Katanya, negara itu juga berminat untuk meningkatkan import minyak kelapa sawit dari Malaysia dan mengimport produk berasaskan kayu, baja, petrokimia serta oleokimia, lapor Bernama.

"Lawatan turut menghasilkan komitmen pelaburan bernilai RM100 juta dalam sektor halal yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga ta-

hun," katanya di Islamabad pada 4 Oktober.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengetuai kunjungan itu turut menerima Nisahan-e-Pakistan, anugerah tertinggi kepada pemimpin luar.

Tengku Zafrul juga menjelaskan kedua-dua negara juga dilihat memiliki potensi kerjasama dalam sektor antaranya makanan, pertanian, halal, sektor IT serta rantaian bekalan.

Menyatakan kedua-dua negara akan merundingkan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Ma-

laysia-Pakistan pada November, beliau berkata hubungan itu membawa manfaat bersama.

"Dengan kedudukan strategik Malaysia di Asia Tenggara, serta pelbagai persamaan antara kedua-dua negara, Malaysia pintu masuk ideal bagi Pakistan ke pasaran lain di Asean," kata beliau.

Dalam kalangan negara-negara Asia Selatan, Pakistan rakan dagang ketiga terbesar dan destinasi eksport utama Malaysia serta sumber import kedua terbesar pada 2023.

Antara Januari hingga Ogos jumlah dagangan Malaysia-Pakistan mencatat peningkatan 54.8 peratus, mencapai RM5.68 bilion.

40 tan durian laris di China

SHAH ALAM - Tidak sampai 24 jam, hampir 40 tan durian segar pertama Malaysia ke China habis terjual setelah dipasarkan pada 26 Ogos meliputi enam wilayah negara Tembok Besar itu.

Duta Besar Malaysia ke China Datuk Norman Muhamad berkata durian segar dan bermutu tinggi antara sebab raja buah itu mendapat sambutan baik daripada rakyat China, lapor Bernama.

"Memang semua durian itu habis (terjual) pada hari pertama lagi, iaitu

semasa majlis pelancaran (penjualan durian) berkenaan pada 26 Ogos lepas," katanya pada 4 Oktober.

Pada Ogos, Malaysia mengeksport 40 tan metrik durian antaranya Musang King, Black Thorn, D24 untuk dipasarkan di Beijing, Zhengzhou, Shanghai, Guangzhou, Shengzhen dan Nanning.

Norman memberitahu pihaknya akan mewujudkan lebih banyak penerbangan kargo antara Malaysia dan China agar durian segar dapat diba-

wa masuk dengan kuantiti besar pada masa hadapan.

"Pengusaha kita memang akan ambil peluang pasarkan durian segar, tetapi durian (segar) ini agak rumit sedikit sebab jualan perlu dilakukan dalam masa kurang 36 jam," katanya.

Rata-rata China mengakui tekstur isi durian yang tebal dan rasa lemak menyebabkan durian Malaysia memberi pengalaman mengasyikkan setiap kali menikmati raja buah berkenaan.

Tambah baik sistem siren banjir

SHAH ALAM - Penambahbaikan siren amaran banjir antara langkah bagi mendepani Monsun Timur Laut yang dijangka bermula November hingga Mac tahun depan.

Menurut ketua setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pengalaman berdepan banjir besar pada 2021 menuntut tindakan segera

termasuk meningkatkan keupayaan sistem berkenaan.

Datuk Dr Ching Thoo Kim memberitahu langkah sedemikian diyakini mampu mengelakkan lebih banyak kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan Jabatan Pengairan dan Saliran meningkatkan

bunyi siren yang turut berbeza dengan polis dan bomba disertai arahan supaya ramai berpindah ke tempat lebih selamat.

"Di Taman Sri Muda, Shah Alam dulu, siren tidak cukup nyaring dan orang tak dengar. Ada yang anggap ia siren bomba dan polis, menyebabkan tiada tindakan segera diambil," katanya.



RAMPAS... Penguat kuasa Majlis Perbandaran Kuala Selangor memeriksa sisa elektronik dalam serbuan ke sebuah kilang yang beroperasi tanpa kebenaran di Kampung Sungai Terap baru-baru ini. Jabatan Alam Sekitar turut mengambil sampel barangan untuk dianalisis ke Jabatan Kimia. Foto Facebook Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Sedia kelengkapan selamat mangsa bencana

Petakan lokasi risiko bah

Oleh SHEEDA FATHIL

SUBANG JAYA - Pelan mencakupi peta kawasan banjir dan tanah runtuh dibangunkan bagi memudahkan misi bantuan jika berlaku bencana, menurut timbalan datuk bandar Subang Jaya.

Sebanyak 25 lokasi berisiko bah dan sembilan kawasan tanah runtuh dipetakan dalam Sistem Informasi Geografik meliputi Seri Serdang, Seri Kembangan, Kinrara, Batu Tiga dan Kota Kemuning.

Mohd Zulkurnain Che Ali juga memberitahu pelan berkenaan turut dilengkapi maklumat lokasi penempatan kenderaan, pusat pemindahan sementara (PPS) penduduk dan maklumat berkaitan.

"Direktori agensi berkaitan, kawasan keluar masuk kenderaan, tempat berkumpul agensi keselamatan dan pasukan penyelamat serta lokasi aset penyelamat," katanya pada 2 Oktober.

Beliau menambah pelan yang dibangunkan sejak 5 Oktober 2022 dikemas kini dari semasa ke semasa sebagai panduan Majlis Bandaraya

Subang Jaya dan agensi berkaitan terutama dalam berdepan Monsun Timur Laut.

Katanya, sebanyak 60 PPS dikenal pasti melibatkan sekolah, masjid dan dewan serba guna sekitar Subang Jaya selain 25 aset kenderaan termasuk bot penyelamat dan bas disediakan.

"Kita turut melaksanakan kempen kesedaran bahaya bencana terhadap komuniti terkesan di kawasan berisiko bencana," katanya lagi.

Sebarang aduan kecemasan atau keperluan bantuan segera, hubungi Pusat Panggilan MBSJ / Pasukan PANTAS menerusi talian 03-8024 7700.

Sementara itu, seramai 120 peserta menyertai Bengkel Pelan Strategik Operasi Bantuan Kecemasan dan Bencana MBSJ 2.0 - Menerperkasakan Persiapan Hadapi Monsun Timur Laut 2024.

Mohd Zulkurnain berkata program dua hari melibatkan beberapa agensi penyelamat bertujuan mengemas kini pelan mengurus mangsa bencana yang akan menjadi rujukan ketika operasi bagi hadapi perubahan monsun.



Tingkat kefahaman agensi urus bencana

SEPANG - Seramai 120 peserta dari tujuh agensi menjalani Latihan Simulasi Bencana Tanah Runtuh Negeri Selangor selama dua hari di Markas Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) di sini.

EXCO Pengurusan Bencana Najwan Halimi memberitahu semua peserta didedahkan kepada kelas teori dan praktikal bagi memperkukuh pemahaman dalam mengurus sesuatu bencana.

Beliau memaklumkan mereka diajar teknik menyelamatkan dan mengurus kecemasan ketika tanah runtuh melalui bimbingan jurulatih berpengalaman daripada SMART.

"Program ini sebagai langkah ke-siapsiagaan semua agensi menghadapi musim Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula pada November 2024 hingga Mac 2025.

"Jabatan Meteorologi Malaysia meralam empat hingga enam episod luruan monsun yang berisiko mengakibatkan hujan lebat yang berterusan hingga Mac 2025," katanya.

Najwan menambah latihan meningkatkan koordinasi semua agensi dan sukarelawan bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan ketika bencana.



MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	TARIKH IKLAN	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/PH/16/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON UTARA (MEDAN SELERA DENGKIL, MEDAN NIAGA DENGKIL, PUSAT PENJAJA TAMAN DENGKIL JAYA, BANGUNAN PEJABAT (PASAR AWAM DENGKIL), SELERA@PUTRA PERDANA) DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221001 - Pembersihan Bangunan & Pejabat & 221003 - Mengangkat Sampah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 10 Oktober 2024 Tarikh Tutup: 1 November 2024	RM 200.00
2.	T/MPSepang/PH/17/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON SELATAN (MEDAN SELERA SEPANG, MEDAN SELERA SUNGAI PELEK, SELERA @ BAGAN LALANG, TANDAS AWAM PASAR SEPANG, TANDAS AWAM PASAR SG PELEK) DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221001 - Pembersihan Bangunan & Pejabat & 221003 - Mengangkat Sampah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 10 Oktober 2024 Tarikh Tutup: 1 November 2024	RM 200.00
3.	T/MPSepang/PH/18/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI ZON TENGAH 1 (SELERA @ BBST, SELERA @ SEROJA, TANDAS AWAM BBST, MEDAN SELERA SALAK, SELERA @ LABU LANJUT) DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (221001 - Pembersihan Bangunan & Pejabat & 221003 - Mengangkat Sampah) DAN UPEN	Tarikh Buka: 10 Oktober 2024 Tarikh Tutup: 1 November 2024	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **10 Oktober 2024** hingga **1 November 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **1 November 2024**. Tempoh sah tender yang dihantar kemudian daripada ini adalah sah selama 120 hari daripada tarikh iklan tender ini. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke **Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (03-83190200 ext 330 / 331)**, Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, 63200 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran tidak berjaya. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Bantu bimbing, pulih ahli GISBH

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) sedia membantu pemulihan akidah bekas ahli GISB Holdings (GISBH) di institusinya, sama ada kemasukan sukarela atau perintah mahkamah.

Pengerusinya berkata usaha bersama agensi kerajaan dan pertubuhan Islam bukan kerajaan (PIBK) dibuat secara menyeluruh merangkumi pelbagai peringkat umur bagi jangka pendek dan panjang.

Menurut Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, premis itu antaranya Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan 26 rumah pemulihan al-Riqab di seluruh negeri.

"(Pusat pemulihan ini) berperanan menguruskan perlindungan bimbingan, rawatan spiritual Islam dan kaunseling kepada individu dan kumpulan yang memerlukan pemulihan akidah dan akhlak," katanya dalam kenyataan pada 7 Oktober.

Beliau menambah pelan tindakan yang dibangunkan bermula 23 September turut meliputi bantuan pemulihan akidah dan sosial ratusan kanak-kanak GISBH.

Mengutamakan kebajikan dan keselamatan mereka, jelasnya, seramai 20 guru al-Riqab mengajar di rumah kebajikan seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat melibatkan 261 kanak-kanak.

Perbanyak dakwah kukuh akidah

SHAH ALAM - Pelaksanaan program bagi memperkasa pendidikan dan dakwah wajar diperbanyak bagi memperkukuh akidah umat Islam negeri ini, kata pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Menurut Dato' Mohd Shahzihan Ahmad lagi, langkah berkenaan selari usaha mempertingkatkan akidah Ahli Sunah Waljamaah yang menjadi pegangan umat Islam rantau ini.

"Pelaksanaan program yang memperkasa pendidikan dan dakwah Islamiah seperti Festival Al-Barzanji dan

Marhaban yang dianjurkan di masjid negeri wajar diperbanyak.

"Jais sentiasa memberi kerjasama untuk perkara melibatkan kerangka penting kepada pembinaan ummah dan cara hidup agama Islam berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah," katanya.

Beliau menyempurnakan majlis penutup festival berkenaan yang julung kali diadakan dengan disertai 30 kumpulan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 5 Oktober.

Mohd Shahzihan turut men-

cadangkan penganjuran proram berzanji dan marhaban skala besar bagi menarik penyertaan lebih ramai peserta dari negeri lain.

"Saya cadangkan tawarkan kepada negeri lain supaya kita dapat belajar di samping tingkatan keupayaan melagukan barzanji dan marhaban," katanya.

Dalam pertandingan tersebut, Kumpulan Shoutul Makmuriyah dari Sabak Bernam dinobatkan juara manakala Al-Mukhlisin (naib johan) dan Al-Falah Jalan Kebun (tempat ketiga).

Aurad Muhammadiyah menyeleweng

108 individu jalani pemulihan akidah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Seramai 108 individu terkait dengan GISB Holdings (GISBH) yang ditahan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sebelum ini bakal menjalani proses pemulihan akidah.

Menurut pengarah Jais, ia selaras keputusan mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 3 Oktober yang

meyakini pemimpin, ahli GISBH serta rangkaianannya mengamalkan Aurad Muhammadiyah.

Dato' Mohd Shahzihan Ahmad menjelaskan fahaman sedemikian diputuskan menyeleweng daripada akidah Islam berdasarkan Warta No.54 pada 4 Februari 1993.

"Jadi, yang kita nak semua yang terlibat sama ada bersalah atau tidak mesti dipulihkan. Sebab jelas apa yang mereka buat dan sebagainya dan fatwa adalah sumber atau asas tindakan kita.

"Siapa-siapa yang terlibat mesti pulih. Mesti keluar daripada sistem

dia, masuk ke sistem kita melalui pemulihan-pemulihan yang akan ditetapkan kemudian," katanya pada 5 Oktober.

Sebelum ini, 108 individu terkait GISBH ditahan kerana disyaki terbabit pelbagai kesalahan jenayah syariah merangkumi soal akidah, pungutan khairat tanpa kebenaran dan perkahwinan.

Sementara itu, berhubung Ajaran Cahaya yang dilaporkan disebarkan di Negeri Sembilan, Mohd Shahzihan berkata tiada laporan diterima setakat ini berhubung penyebarannya di Selangor.

Festival turath di TMS2025

SHAH ALAM - Festival Turath Islami Selangor yang diadakan sejak tahun lalu dicadangkan menjadi antara pengisian dalam kalendar Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Koordinator program Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) berkata ia berikutan program itu mendapat sambutan baik dari seluruh negara, termasuk tontonan di media sosial.

"Program siri talaqi ini mendapat tempat dalam kalangan rakyat Selangor dan luar sejak dianjurkan, justeru kita cadang untuk dianjurkan lagi tahun hadapan.

"Sekiranya (program ini) dapat dimasukkan dalam kalendar TMS2025 pun bagus, ramai orang boleh rancang (awal) untuk datang," kata Mohd Anwar Mohd Yusof.

Beliau menghadiri kuliah dhuha Majlis Talaqi Kitab Ihy' Ulumuddin dan Mawaqif Al Marjan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini pada 3 Oktober.

Dalam siri kuliah terakhir, tokoh ulama Pattani

Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni menyeru umat Islam rajin berselawat dan menjaga adab terutama ketika menuntut ilmu.



"Apabila baca ayat al-Quran dan mendengar ceramah, penceramah termasuk yang mendengar ceramah perlu menjaga adab. Apabila kurang beradab, maka hilang keberkatan.

"Apabila berselawat, Allah tambah rahmat kepada hamba-Nya. Malaikat pula berselawat memohon Allah ampunkan dosa manusia, betapa sucinya malaikat minta ampun untuk kita," katanya.

Sementara itu, peserta festival berharap siri pengajian kitab bersama ulama diteruskan sebagai majlis ilmu tahunan.

Nur Dhaniyah Azhar, 25, yang hadir bersama ibunya mengakui siri talaqi itu banyak memberi ilmu yang menjadi pedoman untuk orang muda.

"Inisiatif ini sangat bagus dengan menjemput ulama tokoh terkemuka, bukan mudah untuk kita jumpa mereka. Bagi saya inilah peluang terutama buat orang muda untuk menambah ilmu."



Air Selangor
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000020086	SUPPLY, DELIVERY, VALIDATION AND INSTALLATION OF ANODIZED ALUMINIUM FOIL ASSET TAGS
2.	PN0000020009	OPERATION TECHNOLOGIES NETWORK DETECTION AND RESPONSE FOR FOUR (4) WTPS 1. Labohan Dagang 2. Sg. Semenyih 3. SSP2 4. Semenyih 2
3.	PN0000020002	OPERATION TECHNOLOGIES NETWORK DETECTION AND RESPONSE FOR ICC ENVIRONMENT
4.	PN0000019658	DEMOLITION OF 19 UNITS OF THE EXISTING STAFF QUARTERS AND RECONSTRUCTION OF 16 UNITS OF NEW STAFF QUARTERS AT NORTH HUMMOCK WATER TREATMENT PLANT
5.	PN0000020044	RECTIFICATION WORKS OF LEAKAGE RESERVOIRS USING LAMINATION METHOD FOR FIBREGLASS REINFORCED PLASTICS WATER TANKS (PACKAGE 2A)
6.	PN0000020047	WATERPROOFING WORKS OF LEAKAGE RESERVOIRS AT GOMBAK AND HULU SELANGOR REGIONS (PACKAGE 3A)
7.	PN0000020048	WATERPROOFING WORKS OF LEAKAGE RESERVOIRS AT HULU LANGAT, PETALING AND SEPANG REGIONS (PACKAGE 3B)
8.	PN0000020007	RECTIFICATION WORKS OF LEAKAGE RESERVOIRS BY USING POLYURETHANE INJECTION METHOD OR EQUIVALENT AT PETALING, KLANG AND KUALA LUMPUR REGIONS (PACKAGE 1A)
9.	PN0000020027	RECTIFICATION WORKS OF LEAKAGE RESERVOIRS BY USING POLYURETHANE INJECTION METHOD OR EQUIVALENT AT VARIOUS REGIONS (PACKAGE 1B)
10.	PN0000020089	ADDITIONAL 125 LICENSES SALESFORCE SERVICE CLOUD SUBSCRIPTION FOR CONTACT CENTRE AND 179 LICENSES FIELD SERVICE MANAGEMENT SUBSCRIPTION FOR ONLINE FORM

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



SEMANGAT... Aksi peserta perlumbaan Kriterium Selangor Siri 1 2024 sempena ulang tahun ke-24 bandar raya itu di Taman Tasik Shah Alam pada 6 Oktober. Foto Cycling Selangor

Tidak bolos tiga aksi terakhir

Usaha kekal rekod kemenangan

SHAH ALAM - Ketua jurulatih Selangor FC berpuas hati dengan persembahan dan kedudukan pasukannya dalam semua kejohanan sebelum aksi perlawanan antarabangsa Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (Fifa) sehingga 15 Oktober.

Nidzam Jamil berkata Red Giants tidak bolos dalam tiga perlawanan terakhir termasuk kemenangan 1-0 ke atas Dynamic Herb Cebu dari Filipina dalam saingan Liga Juara-Juara Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) 2 (ACL2) 2024/25 pada 3 Oktober.

"Kita masih belum kalah pada ACL2, bolos satu dan jaringan dua

gol (termasuk seri 1-1 menentang wakil Thailand Muangthong United dalam aksi pembukaan kumpulan).

"Saingan liga (Liga Super) pula kita tidak bolos dalam dua perlawanan terakhir di samping berjaya menjaringkan gol ketika melawan Kuching City dan Terengganu.

Jadi kita tak bolos dalam tiga perlawanan terakhir (semua pertandingan), saya rasa itu agak baik," katanya seperti dilaporkan Bernama.

Selangor kini di tangga kedua Liga Super mengumpul 25 mata, dipisahkan enam mata di belakang pendahulu Johor Darul Ta'zim (JDT) selain

menghuni kedudukan sama mengumpul empat mata dalam kumpulan H ACL2.

Meski mempamer aksi positif, pengendali berusia 44 tahun itu tetap mengingatkan pasukannya sentiasa berusaha menjadi yang terbaik seperti diimpikan penyokong dan menjadikan kemenangan sebagai satu rutin.

"Kita kena betul-betul pastikan kehadiran kita diakui, jadikan menang sebagai satu kebiasaan dan apabila menang (tapi) ada peminat rasa permainan tak begitu menarik, barulah itu boleh jadi isu.

"Buat masa ini Selangor masih belum capai tahap itu seperti pasukan JDT," katanya.

Perkasa pemain muda dengan TVET

SHAH ALAM - Selangor FC bekerjasama dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) bagi memperkasa pemain muda dengan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET).

Red Giants memaklumkan inisiatif itu bakal memberi manfaat di luar kerjaya bola sepak selain memastikan pemain memiliki kemahiran berharga untuk masa depan.

"Melalui kerjasama ini pemain muda

dalam pasukan pembangunan dan utama berpeluang mendaftar dalam kursus ditawarkan STDC.

"Kursus ini melibatkan pelbagai bidang dan ia merupakan laluan kerjaya sebaik sahaja tamat karier dalam sukan bola sepak," katanya di Facebook pada 6 Oktober.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor bertitah kelab bakal menawar lebih banyak inisiatif bagi memastikan

perkembangan pembangunan belia.

Titah Tengku Amir Shah, kelab mengenali pasti beberapa perkara penting dalam memupuk bakat muda di samping memahami kepentingan menyokong atlet muda.

"Kerjasama ini dapat memperkasa individu dengan kemahiran praktikal yang membuka peluang kerjaya selain membantu masa depan yang lebih cerah," titah Baginda.

Ayuh penuhkan Stadium Juara

SHAH ALAM - Peminat sukan badminton boleh menyaksikan kejohanan Malaysia Super 100 2024 di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur dari 15 hingga 20 Oktober ini secara percuma.

Menurut Setiausaha Agung Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Datuk Kenny Goh, keputusan itu bagi menarik kehadiran orang ramai memenuhi stadium dan menyokong pemain pelapis negara yang bertanding dalam edisi kedua kejohanan.

Beliau berharap barisan pemain muda dapat memanfaatkan sebaiknya peluang beraksi dalam usaha mengumpul mata bagi memperbaiki kedudukan ranking dunia.

"Ini adalah kejohanan yang penting kepada pemain pelapis justeru kita mahukan seberapa ramai peminat datang dan memberi sokongan. Jadi kami membuat keputusan untuk tidak menjual tiket," katanya.

RM70,000 hadiah kejohanan e-sukan

SHAH ALAM - Hadiah keseluruhan RM70,000 menanti peserta Kejohanan Esports Hari Sukan Negara (HSN) di Auditorium Tun Azizan Zainul Abidin, Putrajaya pada 11 hingga 13 Oktober.

Presiden Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia (MESF) berkata kejohanan itu menampilkan permainan Konami eFootball 2025 sebagai pertandingan utama yang disertai 15 negeri dan Wilayah Persekutuan serta futsal 5 sebelah dalam acara e-sukan.

Menurut Muhammad Naim Al Amin Saharudin, pengunjung juga berpeluang bertemu barisan pemain profesional tempatan selain mengunjungi reruai jualan, lapor Bernama.

"MESF akan menampilkan pelbagai pertandingan permainan popular seperti PUBG Mobile, Mobile Legends Bang Bang, Free Fire dan Tekken 8 bagi menarik lebih ramai golongan belia yang berminat dalam e-sukan hadir ke Putrajaya bagi memeriahkan lagi kejohanan e-sukan dan HSN 2024," katanya baru-baru ini.

Ee Wei fokus pemulihan

SHAH ALAM - Pemain beregu campuran negara masih berhati-hati berlatih selepas cedera di lengan kiri hujung bulan lalu.

Menurut Toh Ee Wei, beliau kini perlu memastikan dirinya pulih sepenuhnya sebelum menyusun semula jadual pertandingan, lapor Harian Metro.

"Sekarang ini saya sudah mula menjalani latihan. Masih ada sakit lagi, tapi semuanya okey. Plaster di tangan sudah dibuka dan ia semakin baik, cuma saya masih berhati-hati takut terjatuh," katanya pada 8 Oktober.

Kecederaan itu menyebabkan Ee Wei dan Chen Tang Jie terlepas Terbuka Artik dan Denmark.



NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

merasmikan bengkel kemahiran jahitan kreatif di Seksyen 16, Shah Alam



ANFAAL SAARI
Taman Templer

menyampai sumbangan komputer riba di pusat khidmat DUN beliau



WONG SIEW KI
Seri Kembangan

melawat klinik kesihatan yang akan dinaik taraf di DUN beliau



DATUK JOHAN AZIZ
Dusun Tua

beri sumbangan kepada anak yatim dan asnaf di Kajang



DR GUNARAJ GEORGE
Sentosa

menghulur bantuan kerusi roda kepada pesakit hilang penglihatan di DUN beliau



ABBAS AZMI
Seri Serdang

merasmikan bengkel operasi bantuan kecemasan dan bencana di Subang Jaya



LWI KIAN KEONG
Sungai Pelek

bertemu penduduk di Kampung Jenderam, Hulu Langat



IZUAN KASIM
Kota Damansara

mengagih bantuan kepada mangsa bah di Kampung Melayu Subang, Shah Alam

Segera mohon bantuan sekolah

SHAH ALAM - Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) mengajak orang ramai memohon Program Bantuan Masuk Sekolah Yawas 2025 yang dibuka sejak 4 Oktober.

Permohonan yang terhad kepada 1,000 orang sehingga kuota penuh bersempena penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) 2024 pada November di Pusat Konvensyen Setia City di sini.

"Bantuan disediakan adalah beg

sekolah, set alat tulis, bekas makanan, botol air, pensil warna dan buku nota.

"Ibu, bapa dan penjaga yang layak mengikut terma dan syarat dipelawa memohon bantuan yang disediakan bagi sesi persekolahan 2025," menurut YAWAS di Facebook pada 3 Oktober.

Permohonan boleh dibuat melalui aplikasi YAWAS dan penebusan bagi yang layak di reruai YAWAS di SIBF 2024 pada 28 November hingga 3 Disember.

Antara syarat permohonan:

- anak lahir di Selangor mulai 2018 – 2021
- pendapatan isi rumah bawah RM5,000
- menetap di Selangor
- ibu bapa pengundi Selangor
- tidak pernah terima bantuan beg sekolah Yawas
- pemohon bukan ahli Tabung Warisan Anak Selangor

Latihan bola sepak dapat sambutan

RM40,000 pasang jaring penghadang

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Peruntukan RM40,000 disediakan bagi menaik taraf kemudahan padang bola sepak Bandar Kinrara 2 di Puchong, kata wakil rakyat Kinrara Ng Sze Han.

Beliau memberitahu pemasangan jaring penghalang dan sempadan akan dibuat dalam masa terdekat bagi mengelak bola terkeluar ke jalan raya berhampiran.

"Padang ini digunakan penduduk untuk riadah dan klinik bola sepak

Kinrara juga diadakan di sini, jadi ada keperluan untuk padang dinaik taraf.

"Projek itu akan kita mulakan dalam masa terdekat bagi memberi lebih keselesaan kepada mereka yang menggunakan kemudahan ini untuk beriadah," katanya pada 6 Oktober.

Mengulas klinik bola sepak Kinrara, Sze Han berkata program latihan bagi mencungkil bakat baharu itu turut



mendapat kerjasama Team Selangor dan Persatuan Bola Sepak Selangor.

Beliau juga bercadang untuk meneruskan program berkenaan pada tahun depan berikutan acara yang masuk tahun kedua membabitkan 20 peserta kini disertai 50 peserta pada hujung minggu.

Sementara itu, Sze Han turut menyertai riadah bola sepak yang dimenangi Team Selangor Kinrara 7-6 mengatasi Komuniti Madani Kinrara.

Sumbang RM170,000 dana urus PIBG

HULU LANGAT - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM170,000 bagi sumbangan dana pengurusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) kepada sekolah di Hulu Langat dan Sepang.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Saipolyazan M Yusop berkata setiap sekolah menerima RM1,000 melibatkan 119 sekolah di



Hulu Langat dan Sepang (51) yang disalurkan menerusi Yayasan MBI.

"Selain itu, 45 pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 juga turut menerima hadiah," katanya dalam kenyataan.

Penyampaian sumbangan dan hadiah disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan disaksikan Menteri Pendidikan

Fadhlina Sidek sempena Majlis Perasmian Tekad Reformasi Pendidikan di sini pada 7 Oktober.

Sebelum ini, Ketua Yayasan MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata sejumlah diperuntuk RM890,000 untuk dana PIBG kepada 890 sekolah seluruh Selangor.

Dana itu katanya boleh digunakan untuk urusan mesyuarat bulanan, pembelian alat tulis serta perkara yang berkaitan dengan pengurusan persatuan itu.

Tangani masalah bah di Sungai Buloh

SHAH ALAM - Peruntukan RM481 juta bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Damansara diluluskan bagi mengurangkan risiko banjir di sekitar Parlimen Sungai Buloh.

Wakil rakyatnya Datuk Seri R Ramanan memberitahu projek berkenaan pada peringkat permulaan dengan surat tawaran telah diserahkan kepada kontraktor, lapor Bernama.

"Walaupun belum bermula, aktiviti

di Sungai Subang dimulakan dengan dana RM16 juta.

Tidak pernah ada perdana menteri yang meluluskan projek sebesar ini untuk Sungai Buloh,"katanya pada 5 Oktober.

Beliau berkata satu lagi usaha mengurangkan risiko banjir iaitu Projek Tebatan Banjir Sungai Buloh Fasa Dua dengan



anggaran kos hampir RM780 juta yang masih pada peringkat cadangan.

Ramanan juga menjelaskan kerajaan giat berusaha mengurangkan risiko banjir di seluruh negara termasuk di Parlimen Sungai Buloh secara berperingkat.

RM50,000 tambah baik surau

SHAH ALAM - Peruntukan RM50,000 disediakan pusat khidmat masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri Rawang untuk menajayakan kerja membesar dan menambah kemudahan Surau Al-Ikhlas, Saujana Rawang.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat menjelaskan projek tersebut melibatkan pembinaan dapur dan tandas baharu bagi keselesaan jemaah beribadat dan melakukan kegiatan lain.

"Dana ini supaya jemaah ada ruang mencukupi untuk menunaikan solat dan menjalankan aktiviti di surau. Projek dimulakan pada September dan dijangka siap akhir tahun ini," katanya di Facebook.

Sebelum ini, beliau berkata pelbagai inisiatif dibuat bagi meningkatkan keselesaan masyarakat termasuk menyediakan kaunter perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebulan sekali di PKM.

Agih RM50,000 buat 1,000 mangsa banjir

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI memperuntuk RM50,000 bagi membantu kira-kira 1,000 mangsa banjir di lapan pusat pemindahan sementara (PPS).

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu bantuan itu antaranya makanan kering, tuala wanita, lampin pakai buang, air mineral dan pemanas air untuk penghuni PPS yang dibuka sejak 3 Oktober.

"Kali ini ada tambahan pemanas air kerana mangsa memerlukan peralatan itu. MBI cuba membantu dengan menghantar keperluan untuk keselesaan sepanjang di PPS," katanya pada 4 Oktober.

Beliau menjelaskan pihaknya juga bekerjasama dengan pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri terlibat dan ketua kampung untuk serahan bantuan wang ihsan kepada semua mangsa.

Taja aplikasi pendidikan digital

SHAH ALAM - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menaja langganan aplikasi pendidikan digital 240 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Dengan kerjasama Pandai Education Sdn Bhd (Pandai), Air Selangor berkata usaha berkenaan merupakan inisiatif tahun kedua program Memperkasakan Pembelajaran Dalam Talian.

"Kami komited dalam menyumbang kembali kepada komuniti sekitar dengan memberikan sokongan kepada anak-anak daripada keluarga B40 menerusi akses pembelajaran digital yang berkualiti.

"Kami harap ia dapat membantu mereka membuat persiapan menghadapi SPM selain meningkatkan prestasi akademik secara keseluruhan," maklumnya menerusi Facebook pada 8 Oktober.

selangorkini



Cerpen, puisi & esei
HADIAH SASTERA SELANGOR 2024
terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal selangorkini.my

Pamer syair Parsi 1,000 Masihi

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang menyaksikan pameran sastera sejarah dari Tajikistan karya penyair legenda Ferdowsi yang dihasilkan sekitar 1,000 Masihi di Pustaka Raja Tun Uda di sini.

Syair berjudul Shahnameh bermaksud Kisah Raja-raja tulisan Ferdowsi atau nama sebenar Hakim Abul-Qasim Firdawsi Tusi memuatkan cerita mistik dan sejarah lama Iran sebelum kedatangan Islam.

Karya epik yang menggunakan bahasa Parsi itu dipamer antara 7 hingga 17 Oktober antara warisan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Selain itu, pengunjung juga berpeluang menonton filem bertajuk Rustam dan Sohrab selama satu jam 30 minit, antara kumpulan hikayat dalam kisah Shahnameh.

Filem tersebut mengisahkan Rustam, pahlawan yang bertemu jodoh dengan Tahmina dan ada anak bernama Sohrab. Dalam peperangan antara Iran dan Turan, Rustam menikam anaknya itu.

Pesta buku sasar 30,000 pengunjung

SHAH ALAM - Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) 2024 berlangsung pada 27 November sehingga 3 Disember di Pusat Konvensyen Setia City, di sini, kata pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Menyasar kehadiran 30,000 pengunjung, Datin Paduka Mastura Muhamad berkata Sidang Kemuncak Pendidikan Selangor turut dianjurkan sepanjang tujuh hari festival.

"SIBF kali ini turut melibatkan pempamer, penerbit, penulis, pemain industri buku daripada pelbagai negara luar seperti Indonesia, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu," katanya pada 8 Oktober.



GIGIH...
Prosedur menyelamat mangsa yang dipersembahkan dalam majlis penutup Program Latihan Simulasi Bencana Tanah Runtuh Bagi Kesiapsiagaan Agensi Respon peringkat negeri 2024 di Puchong, Subang Jaya pada 7 Oktober.
Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

BERITA MUKA 19

Festival liputi sembilan daerah

Kongsi keunikan makan warisan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Festival kebudayaan yang mempamer pelbagai keunikan seni dan makanan warisan akan diadakan meliputi sembilan daerah di negeri ini bersempena Tahun Melawat Selangor 2025.

EXCO Kebudayaan Datuk Borhan Aman Shah memberitahu acara tersebut memberi peluang kepada pelancong tempatan dan antarabangsa tempatan untuk mengenali keunikan

setiap daerah.

"Festival tersebut akan membabit setiap daerah dengan pengisian pelbagai acara termasuk budaya serta seni yang sinonim dengan kawasan tersebut," katanya pada 3 Oktober.

Beliau juga menjelaskan pihaknya akan bertemu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara untuk berbincang perkara berkenaan sebelum dibawa ke Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Borhan berkata Media Selangor Sdn

Bhd (MSSB) selaku media rasmi negeri bekerjasama dengan TV Sarawak untuk mempromosi kempen Tahun Melawat Selangor 2025.

"Kita menerima kunjungan hormat daripada TV Sarawak dan hasil perbincangan satu memorandum persefahaman akan dimeterai bersama MSSB pada Disember depan.

"Menerusi kerjasama dijangka disaksikan pimpinan tertinggi kedua-dua negeri, antara intipati ialah perkongsian berita, kegiatan ekonomi dan budaya setempat," kata beliau lagi.

pancawarna

Menuju negara maju seawal 2027



Prestasi mata wang kukuh suntik keyakinan pengguna, tarik pelabur besar

14

Kaunselor negeri legakan tekanan



Selangor wujudkan pusat, talian kaunseling pastikan mental rakyat sihat

11

Juadah kelamai diancam kepupusan



Pembuatan rumit, bahan langka punca makanan tradisi orang Rawa disisih

9